



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

2025

SOROTAN PASARAN BURUH



SUKU TAHUN PERTAMA

ST1



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN PASARAN BURUH

SUKU TAHUN PERTAMA 2025

Pemakluman:

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia julung kalinya berjaya menduduki tempat pertama di peringkat global di dalam laporan dwitahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW) dengan mengatasi 198 buah negara yang lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (*MyStats Day*), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel.	: 03-8885 7000
Faks	: 03-8888 9248
Portal	: https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram / Youtube	: StatsMalaysia
E-mel	: info@dosm.gov.my (pertanyaan umum)
	: data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)

Diterbitkan pada 23 Mei 2025

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

eISSN 2735 – 0592

Sorotan Pasaran Buruh (LMR) merupakan penerbitan suku tahunan oleh Biro Statistik Buruh Malaysia (MBLS), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Laporan ini bertujuan untuk membawa penghayatan statistik rasmi dalam kehidupan melalui ulasan dan perihalan trend semasa pasaran buruh. Justeru, statistik suku tahunan digabungkan dalam naratif supaya pengguna memperoleh gambaran yang komprehensif berkaitan pasaran buruh Malaysia.

Bahagian pertama LMR membentangkan kedudukan pasaran buruh Malaysia pada suku tahun pertama 2025 serta perkaitannya dengan prestasi ekonomi dan senario sosial negara dalam tempoh tersebut. Sorotan ini meliputi empat dimensi utama berkaitan maklumat pasaran buruh negara yang merangkumi penawaran, permintaan, produktiviti buruh dan upah pekerja. Satu segmen khusus yang memberi fokus kepada isu atau tema terpilih berkenaan dengan situasi pasaran buruh global dan nasional turut dimuatkan dalam laporan ini. Istimewanya dalam setiap edisi LMR suku tahunan, turut diketengahkan satu atau lebih artikel berkaitan isu-isu pasaran buruh melalui statistik, atau metodologi bagi memperkukuh statistik pasaran buruh. Jadual terperinci statistik siri masa suku tahunan yang berkaitan dengan empat dimensi pasaran buruh turut disertakan.

Laporan ini akan menghuraikan perubahan tahun ke tahun selain perubahan jangka pendek dari suku sebelumnya bagi mengkaji kesan langsung daripada peristiwa terkini. Pengguna dinasihatkan untuk mentafsirkan perubahan suku tahunan dengan berhati-hati kerana statistik ini tidak dibuat pelarasan musim. LMR boleh digunakan oleh penggubal dasar, ahli akademik, ahli ekonomi, penyelidik dan pengguna lain dalam kajian berkaitan pasaran buruh.

DOSM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap kerjasama dan sumbangan yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan laporan ini. Pandangan dan cadangan ke arah penambahbaikan penerbitan ini pada masa hadapan amat dihargai. Diharapkan laporan ini dapat memenuhi keperluan terhadap statistik pasaran buruh yang semakin meningkat.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Mei 2025

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Kata Pengantar	i
Kandungan	iii
Glosari	iv
Akronim	vii
Infografik ST1 2025	ix
Nota Penerangan	xii

Sorotan Utama

1

Pendahuluan

3

Pasaran buruh negara kekal kukuh pada suku pertama 2025, dengan tenaga buruh seramai 17.23 juta orang dan kadar pengangguran stabil pada 3.1 peratus

Penawaran Buruh

5

Permintaan Buruh

29

Produktiviti Buruh

36

Upah Pekerja

42

Menuju Ke Hadapan

49

Kepentingan dan Sumbangan TVET kepada Pasaran Buruh Malaysia

Kesimpulan

51

Artikel

53

Kepimpinan Wanita di Malaysia: "Trend Perwakilan Gender dalam Jawatan Pengurusan"

Jadual Statistik

Penawaran Buruh, Malaysia, ST2 2022 - ST1 2025	A1-A11
Permintaan Buruh, Malaysia, ST2 2022 - ST1 2025	B1-B8
Produktiviti Buruh, Malaysia, ST2 2022 - ST1 2025	C1-C8
Upah Pekerja, Malaysia, ST4 2023 - ST4 2024	D1-D4

Glosari

Aktiviti ekonomi	: Merujuk kepada klasifikasi industri mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0 kepada lima sektor utama iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Manakala sektor Pembuatan dan Perkhidmatan dibahagikan kepada subsektor.
Belia	: Penduduk yang berumur antara 15 hingga 24 tahun.
Bekerja	: Penduduk yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji). Mereka juga dianggap bekerja jika tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja dan tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula.
Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran	: Merujuk kepada mereka yang mempunyai pendidikan tertiar dan bekerja dalam kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah.
Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa	: Merupakan kumpulan yang bekerja kurang daripada 30 jam semasa minggu rujukan disebabkan keadaan kerja yang tidak mencukupi dan berkeupayaan serta sanggup menerima tambahan bilangan jam bekerja.
Jawatan	: Jumlah buruh yang diperlukan oleh pertubuhan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan pada satu masa tertentu, merangkumi jawatan diisi dan kekosongan.
Jawatan diisi	: Pekerja bergaji (sepanjang masa dan sambilan); tidak termasuk pemilik perseorangan dan rakan niaga, pekerja keluarga tanpa gaji dan pekerja yang bercuti tanpa gaji.
Jumlah jam bekerja	: Agregat jam bekerja sebenar bagi tempoh satu suku tahunan ialah hasil darab pekerja dengan purata jam bekerja seminggu yang kemudiannya didarabkan dengan 13 minggu.
Kadar pengangguran	: Perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh, dalam bentuk peratusan.
Kategori kemahiran	: Untuk tujuan pelaporan, kategori pekerjaan di kelaskan kepada tiga tahap kemahiran mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2020 mengikut. Mahir - 1. Pengurus; 2. Profesional; 3. Juruteknik dan professional bersekutu; Separuh mahir - 4. Pekerja sokongan pengkeranian; 5. Pekerja perkhidmatan dan penjualan; 6. Pekerja mahir pertanian, perhutanan, dan perikanan; 7. Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; 8. Operator loji dan mesin serta pemasangan; Berkemahiran rendah - 9. Pekerjaan asas.

Glosari

Kadar penyertaan tenaga buruh	: Perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada penduduk dalam umur bekerja, dalam bentuk peratusan.
Kekosongan	: Jawatan yang wujud dan tersedia untuk diisi tetapi belum diisi. Majikan secara aktif cuba mendapatkan calon melalui proses mengiklankan kekosongan, mengeluarkan notis dan berdaftar dengan agensi pekerjaan serta menjalankan temuduga untuk memilih calon bagi mengisi kekosongan.
Luar tenaga buruh	: Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur termasuk suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), pesara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.
Majikan	: Merujuk kepada orang yang telah menerima pekerja melalui kontrak perkhidmatan atau perantisan termasuk; (i) pengurus, ejen atau orang yang bertanggungjawab bagi pembayaran gaji atau upah kepada pekerja; (ii) mana-mana badan sama ada berkanun atau tidak diperbadankan; dan (iii) mana-mana badan Kerajaan, Jabatan Kerajaan, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan atau badan lain yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan, jika seseorang pekerja bekerja dengan mana-mana Kerajaan, jabatan, pihak berkuasa atau badan itu atau dengan mana-mana pegawai bagi pihak mana-mana Kerajaan, jabatan, pihak berkuasa atau badan, pegawai yang mempunyai pekerja dibawahnya dikira sebagai majikan: Dengan syarat bahawa tiada pegawai boleh bertanggungjawab secara peribadi di bawah Akta bagi perkara-perkara yang dilakukan oleh seorang pekerja majikan tersebut.
Menganggur	: Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan tetapi berminat untuk bekerja dan sedang mencari pekerjaan. Dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.
Nilai ditambah	: Perbezaan di antara output dan penggunaan perantaraan. Ia merupakan nilai ditambah barangan dan perkhidmatan dalam aktiviti ekonomi. Oleh itu, ia hampir menyamai dengan keuntungan perniagaan, gaji dan upah, susut nilai dan cukai tidak langsung; campur faedah yang dibayar dan tolak faedah yang diterima.
Nisbah guna tenaga kepada penduduk	: Perkadaran penduduk yang bekerja kepada jumlah penduduk dalam kumpulan umur bekerja, dalam bentuk peratusan.
Pekerja	: Merujuk kepada orang yang bekerja sama ada melalui kontrak perkhidmatan atau perantisan, sama ada bertulis atau lisan dan sama ada tersurat atau tersirat, untuk bekerja dengan majikan.
Pencapaian pendidikan	: Merujuk kepada peringkat tertinggi seseorang itu telah menamatkan atau sedang mengikuti persekolahan di institusi pendidikan awam atau swasta yang menyediakan pendidikan rasmi.

Glosari

Pewujudan jawatan	: Jawatan yang diwujudkan dalam sesebuah organisasi yang mana jawatan tersebut belum pernah tersedia sebelum ini, termasuk skim perkhidmatan yang baru digubal, jawatan yang diwujudkan untuk kenaikan pangkat pekerja sedia ada dan pertambahan bilangan jawatan daripada struktur sedia ada.
Produktiviti buruh	: Merujuk kepada kecekapan dan keberkesanan setiap pekerja untuk menjana nilai ditambah atau output keseluruhan. Ia dikira menggunakan nisbah nilai ditambah kepada jumlah jam bekerja atau pekerja mengikut sektor di Malaysia.
Taraf pekerjaan	: Merujuk kepada kedudukan atau taraf seseorang yang bekerja di dalam pertubuhan atau organisasi di mana beliau bekerja dan disesuaikan berasaskan International Classification of Status in Employment (ICSE-93).
Tenaga buruh	: Penduduk dalam kumpulan umur bekerja (dalam tahun mengikut ulang tahun kelahiran yang lepas), sama ada bekerja atau menganggur, dalam minggu rujukan.
Umur bekerja	: Penduduk yang berumur 15 hingga 64 tahun sama ada berada di dalam tenaga buruh atau di luar tenaga buruh.
Upah	: Merujuk kepada semua ganjaran dalam bentuk wang yang dibayar sepanjang tempoh rujukan kepada pekerja. Anggaran upah termasuk bonus, komisen, dan elaun mengikut definisi sumber data. Tidak termasuk: (i) caj perkhidmatan; (ii) bayaran kerja lebih masa; (iii) ganjaran; (iv) faedah persaraan; (v) faedah pengurangan pekerja, pemberhentian atau penamatan; (vi) mana-mana elaun perjalanan atau nilai mana-mana konsesi perjalanan; atau (vii) mana-mana saraan atau bayaran lain sebagaimana yang dikecualikan oleh Menteri.

Akronim


DOSM	: Jabatan Perangkaan Malaysia
IMF	: International Monetary Fund
KDNK	: Keluaran Dalam Negeri Kasar
KPTB	: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh
MASCO	: Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia
MSIC	: Piawaian Pengelasan Industri Malaysia
RM	: Ringgit Malaysia
ST	: Suku Tahun
STB	: Survei Tenaga Buruh

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SOROTAN PASARAN BURUH, SUKU TAHUN PERTAMA 2025

Pasaran buruh negara kekal kukuh pada suku pertama 2025, dengan tenaga buruh seramai 17.23 juta orang dan kadar pengangguran stabil pada 3.1 peratus.


Penduduk bekerja terus mencatatkan peningkatan, kepada **16.70 juta orang**



Jumlah jam bekerja pada ST1, **9.76 bilion jam**




Situasi pengangguran negara



Penganggur berkurang pada ST1 2025 kepada **526.3 ribu orang**




Kadar pengangguran turun 0.2 mata peratus tahun-ke-tahun, stabil pada 3.1 peratus




PERMINTAAN BURUH

9.06 juta jawatan

Jawatan dalam sektor ekonomi meningkat **1.4 peratus** berbanding ST1 2024




8.87 juta jawatan diisi




194.1 ribu kekosongan



Lebih separuh (57.3%) peluang pekerjaan pada ST1 2025 adalah dalam sektor Pembuatan sebanyak 111.2 ribu kekosongan




33.2 ribu pewujudan jawatan




PENAWARAN BURUH

Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB)

naik 0.2 mata peratus berbanding ST1 2024




17.23 juta tenaga buruh



7.13 juta luar tenaga buruh




Lebih daripada **85 peratus** tidak mencari kerja kerana bersekolah dan kerja rumah



*merujuk kepada orang yang melanjutkan pelajaran, kurang upaya, tidak berminat/ baru tamat pengajian dan bersara/ lanjut umur

Kedudukan guna tenaga tidak penuh


Kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa kekal pada 0.9 peratus, manakala Kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran menurun 0.7 mata peratus berbanding ST1 2024



Statistik Upah pekerja (Sektor Formal)

Pada Disember 2024, **6.83 juta pekerja formal warganegara**

Pertumbuhan YoY: **2.3%**




29.2% (2.0 juta) pekerja sektor formal Malaysia berpendapatan di bawah RM2,000 pada Dis. 2024

2.0 juta pekerja

PRODUKTIVITI BURUH

Kedua-dua pengukuran produktiviti buruh mencatatkan peningkatan berbanding suku yang sama tahun sebelumnya



@StatsMalaysia



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

ST1

NOTA PENERANGAN

2025

Nota Penerangan:

Bermula dengan penerbitan Laporan Sorotan Pasaran Buruh (LMR), Suku Tahun Pertama 2025, Malaysia, statistik utama tenaga buruh disemak semula berdasarkan anggaran penduduk semasa Malaysia terkini.

Semakan semula siri data Survei Tenaga Buruh (STB) dilaksanakan apabila data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 yang terkini telah tersedia. Data banci ini kemudiannya digunakan untuk semakan semula siri data STB bagi meliputi maklumat tambahan yang tersedia daripada Banci Penduduk dan Perumahan terkini. Proses penggabungan penanda aras populasi yang disemak semula ini dirujuk sebagai '*rebased*'.

Bagi tujuan ini, semakan semula telah selesai dilaksanakan bagi siri data STB Suku Tahun Pertama hingga Suku Tahun Keempat 2024. Sementara itu, semakan semula siri data STB Suku Tahun Kedua 2020 hingga Suku Tahun Keempat 2023 masih dilaksanakan. Data tersebut akan diterbitkan selepas proses analisis dan pemuktamadan data selesai dijalankan secara berperingkat.

Sebagai sebahagian daripada usaha ini, siri data di dalam Sorotan Pasaran Buruh bagi tahun 2024 hingga 2025 telah disemak semula secara sistematik untuk memastikan konsistensi dan ketepatan.

Sorotan Utama Bagi ST1 2025

- ▶ Pasaran buruh negara kekal kukuh pada suku pertama 2025, dengan tenaga buruh seramai 17.23 juta orang dan kadar pengangguran stabil pada 3.1 peratus.
- ▶ Pada ST1 2025, tenaga buruh bertambah kukuh sebanyak 2.7 peratus tahun ke tahun untuk merekodkan 17.23 juta orang. Justeru, kadar penyertaan tenaga buruh meningkat sebanyak 0.2 mata peratus kepada 70.7 peratus. Bilangan penduduk bekerja terus meningkat sebanyak 3.0 peratus kepada 16.70 juta orang, dengan nisbah guna tenaga kepada penduduk meningkat kepada 68.6 peratus. Pada masa yang sama, bilangan penganggur menurun sebanyak 5.0 peratus (-27.5 ribu) kepada 526.3 ribu orang, dengan kadar pengangguran sebanyak 3.1 peratus.
- ▶ Bilangan penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu terus menurun sebanyak 11.1 peratus daripada ST1 2024 kepada 242.7 ribu orang, didorong oleh permintaan domestik yang kukuh sepanjang ST1 2025. Sehubungan itu, guna tenaga berkaitan masa menurun kepada 0.9 peratus. Sementara itu, guna tenaga berkaitan kemahiran, yang merangkumi lebih daripada satu pertiga daripada penduduk bekerja dengan pendidikan tertiar, menurun sebanyak 0.7 mata peratus kepada 35.7 peratus pada ST1 2025.
- ▶ Melihat kepada permintaan buruh dalam sektor ekonomi, bilangan jawatan meningkat sebanyak 1.4 peratus tahun ke tahun untuk mencatatkan sejumlah 9.06 juta jawatan. Jawatan yang diisi yang merangkumi 97.9 peratus juga meningkat sebanyak 1.4 peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya kepada 8.87 juta. Sementara itu, peluang pekerjaan dalam sektor ekonomi yang ditunjukkan oleh bilangan kekosongan jawatan meningkat sebanyak 1.2 peratus kepada 194.1 ribu kekosongan pada ST1 2025. Tambahan pula, bilangan pewujudan jawatan dalam sektor ekonomi meningkat 3.4 peratus tahun ke tahun untuk merekodkan 33.2 ribu jawatan.
- ▶ Dengan ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 4.4 peratus, manakala guna tenaga mengekalkan pertumbuhan positifnya, produktiviti buruh yang diukur dengan nilai ditambah per pekerja mencatatkan peningkatan sebanyak 1.3 peratus merekodkan nilai RM24,580 per pekerja pada ST1 2025. Pada tempoh yang sama, jumlah jam bekerja melonjak sebanyak 3.3 peratus kepada 9.76 bilion jam. Justeru, produktiviti buruh per jam bekerja meningkat 1.0 peratus untuk merekodkan nilai produktiviti kepada RM42.5 per jam.
- ▶ Pasaran buruh Malaysia kekal berdaya tahan, disokong oleh aktiviti domestik yang stabil dan dasar kerajaan yang mampan. Pertumbuhan dalam pembuatan, perkhidmatan dan permintaan domestik yang kukuh telah menyumbang kepada persekitaran ekonomi yang menggalakkan, bersama-sama dengan inisiatif seperti insentif pelaburan dan pembangunan infrastruktur, terus meningkatkan keyakinan pasaran. Faktor-faktor ini dijangka menyokong pewujudan jawatan, terutamanya dalam sektor kemahiran tinggi, dan menyumbang kepada peningkatan pendapatan isi rumah. Walau bagaimanapun, prospek pasaran buruh kekal sensitif kepada keadaan luaran, termasuk dinamik perdagangan global, turun naik harga komoditi dan risiko geopolitik serantau.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Pasaran buruh negara kekal pada suku pertama 2025, dengan tenaga buruh seramai 17.23 juta orang dan kadar pengangguran stabil pada 3.1 peratus

Prestasi ekonomi dan pasaran buruh Malaysia pada suku pertama 2025 kekal berdaya tahan walaupun dengan persekitaran global yang mencabar. Ekonomi global sedang mengharungi ketidaktentuan yang meningkat dengan pertumbuhan perlahan, tekanan inflasi yang berterusan dan perubahan dinamik perdagangan. Ketegangan geopolitik, dasar perlindungan dan pemulihan pasca pandemik yang tidak sekata telah mewujudkan persekitaran yang kompleks untuk kerajaan dan perniagaan. Ketidaktentuan global ini, digabungkan dengan pelarasan berterusan dalam dasar monetari dan fiskal, telah mewujudkan ketidaktentuan dalam pasaran global dan memberi kesan kepada ekonomi Malaysia¹.

Di sebalik halangan luaran ini, ekonomi Malaysia menunjukkan pertumbuhan yang stabil dengan mencatatkan pertumbuhan KDNK 4.4 peratus pada ST1 2025, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh, penggunaan stabil dalam sektor swasta dan aktiviti pelaburan yang konsisten. Prestasi ini, walaupun lebih rendah dari unjuran awalan iaitu 4.5 peratus hingga 5.5 peratus, menunjukkan daya tahan ekonomi asas Malaysia. Pertumbuhan Malaysia pada tahun 2025 dijangka semakin sederhana berikutan peningkatan ketegangan perdagangan dan ketidaktentuan dasar yang meningkat, yang menjejaskan prestasi eksport dan sentimen pelabur².

Pasaran buruh Malaysia menunjukkan kekuatan keseluruhan ekonomi. Pada ST1 2025, tenaga buruh berkembang sebanyak 2.7 peratus tahun ke tahun kepada 17.23 juta orang, dengan kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) meningkat kepada 70.7 peratus. Bilangan penduduk bekerja meningkat sebanyak 3.0 peratus kepada 16.70 juta orang, manakala bilangan penganggur menurun sebanyak 5.0 peratus kepada 526.3 ribu orang, menjadikan kadar pengangguran turun kepada 3.1 peratus berbanding 3.3 peratus dalam tempoh yang sama 2024, menunjukkan peningkatan berterusan pasaran buruh³.

Sektor Perkhidmatan kekal sebagai pemacu utama permintaan buruh, berkembang sebanyak 1.8 peratus, diikuti oleh Pembuatan pada 1.5 peratus, dan Pembinaan pada 0.5 peratus. Bilangan jawatan meningkat sebanyak 1.4 peratus tahun ke tahun kepada 9.06 juta, dengan kadar jawatan diisi yang tinggi iaitu sebanyak 97.9 peratus, menunjukkan penjajaran yang kukuh antara penawaran dan permintaan buruh⁴.

Faktor sosial dan budaya juga menyumbang kepada kelestarian ekonomi Malaysia pada awal 2025. Bulan Ramadan dan sambutan Tahun Baru Cina dan Aidilfitri memberikan rangsangan dalam perbelanjaan pengguna dan aktiviti keusahawanan, terutamanya dalam bidang makanan dan minuman, peruncitan dan pelancongan domestik. Perayaan ini mewujudkan aktiviti ekonomi sementara tetapi memberi impak, terutamanya bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Usahawan memanfaatkan peningkatan permintaan untuk masakan tradisional Melayu, dan barangan perayaan, selalunya melalui bazar Ramadan dan Aidilfitri dan platform dalam talian, meningkatkan peluang pekerjaan jangka pendek dan menyokong pendapatan isi rumah.

1 Kementerian Kewangan Malaysia (2025). Laporan Tinjauan Ekonomi S1 2025.

2 Bank Negara Malaysia (2025). Buletin Suku Tahunan, S1 2025

3 Jabatan Perangkaan Malaysia (2025). Laporan Survei Tenaga Buruh, Suku Pertama 2025.

4 Jabatan Perangkaan Malaysia (2025). Statistik Pekerjaan, Suku Pertama 2025.

Walaupun momentum ekonomi Malaysia kekal positif, disokong oleh asas yang kukuh dan strategi penyesuaian. Walaupun dengan konflik perdagangan global, perubahan dasar dalam ekonomi utama, dan ketidaktentuan serantau menimbulkan cabaran yang berterusan, Malaysia kekal bersedia untuk mengharungi faktor-faktor luaran ini. Inisiatif proaktif kerajaan yang memberi tumpuan kepada pendigitalan, memperkasakan PMKS, dan meningkatkan kemahiran tenaga kerja adalah efektif dalam mengukuhkan daya tahan ekonomi dan memupuk pertumbuhan yang mampan.

Memandang ke hadapan, prospek ekonomi dan pasaran buruh Malaysia untuk baki tahun 2025 akan berkait rapat dengan trajektori ekonomi global, terutamanya perkembangan dalam dasar perdagangan, kestabilan geopolitik dan harga komoditi. Walaupun Bank Dunia mengunjurkan ekonomi global berkembang sebanyak 2.7 peratus pada 2025, kadar ini dilihat sebagai sederhana dan tidak mencukupi untuk memacu pembangunan yang ketara, terutamanya dalam kalangan negara membangun dan berpendapatan rendah⁵. Namun, tinjauan ini menunjukkan asas ekonomi Malaysia yang kukuh, dasar domestik yang menyokong dan kebolehsuaian sektor swasta terus menjadi penampan dalam menghadapi kejutan luaran. Kekuatan ini membolehkan Malaysia menghadapi ketidaktentuan ekonomi dengan yakin sambil mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, inklusif dan berterusan sepanjang tahun 2025.

Sorotan Pasaran Buruh ST1 2025 memberikan analisis komprehensif tentang trend pasaran buruh Malaysia, berstruktur kepada empat bahagian utama: Penawaran Buruh, Permintaan Buruh, Produktiviti Buruh dan Upah Pekerja. Edisi ini juga memaparkan artikel khas, untuk memberikan gambaran menyeluruh tentang "Kepimpinan Wanita di Malaysia: Trend dalam Perwakilan Gender dalam Jawatan Pengurusan".


⁵ Bank Dunia (2025). Prospek Ekonomi Global, Januari 2025.

2.1 Tenaga Buruh

Pada ST1 2025, penawaran buruh mengekalkan momentum positif berbanding suku sama tahun sebelumnya dengan kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) meningkat 0.2 mata peratus merekodkan 70.7 peratus berbanding 70.5 peratus pada ST1 2024. Dalam tempoh yang sama, tenaga buruh berkembang sebanyak 2.7 peratus (+458.7 ribu orang) tahun ke tahun pada ST1 2024. Berdasarkan perbandingan suku tahunan, bilangan tenaga buruh meningkat 0.8 peratus (+131.4 ribu orang), manakala KPTB meningkat 0.1 mata peratus [Carta 2.1 & 2.2].

Carta 2.1:

Tenaga buruh dan kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB), ST1 2022 – ST1 2025




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM

Nota: ^r Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Carta 2.2:

Peratus perubahan tenaga buruh, ST1 2022 – ST1 2025



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM

Nota: ^r Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020


Mengikut pecahan jantina, lelaki menyumbang hampir dua pertiga daripada tenaga buruh pada ST1 2025 dengan sumbangan sebanyak 63.1 peratus, bersamaan 10.87 juta orang. Tenaga buruh lelaki telah mencatatkan peningkatan tahunan 3.5 peratus (+369.3 ribu orang). Sebaliknya, tenaga buruh perempuan menyumbang 36.9 peratus, meningkat 1.4 peratus (+89.5 ribu orang) tahun ke tahun kepada 6.36 juta orang. Secara suku tahunan, kedua-dua tenaga buruh lelaki dan perempuan masing-masing melonjak 1.1 peratus dan 0.2 peratus berbanding suku tahun sebelumnya [Carta 2.3].

Carta 2.3:

Taburan dan peratus perubahan tenaga buruh mengikut jantina, ST1 2025

■ Lelaki ■ Perempuan

Peratus sumbangan (%)
[Orang (juta)]



Peratus perubahan (%)

Tahunan

Suku tahunan




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM

Mengikut pecahan kumpulan umur bagi tenaga buruh, mereka yang berumur 25 hingga 34 tahun merangkumi 30.9 peratus atau 5.32 juta orang pada ST1 2025. Sementara itu, tenaga buruh bagi kumpulan umur 35 hingga 44 tahun menyumbang 27.3 peratus, diikuti 16.6 peratus bagi yang berumur 15 hingga 24 tahun dan 16.7 peratus bagi yang berumur 45 hingga 54 tahun.

Pada ST1 2025, kesemua kohort umur merekodkan pertumbuhan positif tahun ke tahun kecuali pada kumpulan umur 45 hingga 54 tahun. Kumpulan umur 55 hingga 64 tahun mencatatkan peningkatan tertinggi dalam tenaga buruh sebanyak 12.1 peratus (+157.7 ribu orang) kepada 1.46 juta orang. Pada masa yang sama, kumpulan umur lain yang menunjukkan pertumbuhan ketara dalam tenaga buruh pada suku tersebut adalah mereka yang berumur 15 hingga 24 tahun, meningkat sebanyak 5.2 peratus (+140.6 ribu orang) kepada 2.86 juta orang. Walau bagaimanapun, bilangan tenaga buruh menunjukkan penurunan 0.2 peratus atau 10.7 ribu orang dari suku tahun sebelumnya bagi kumpulan umur 35 hingga 44 tahun. Sementara itu, kumpulan umur lain merekodkan pertumbuhan positif suku ke suku [Carta 2.4].

Carta 2.4:
Taburan dan peratus perubahan tenaga buruh mengikut kumpulan umur, ST1 2025



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM

Bagi penyertaan tenaga buruh mengikut jantina, KPTB lelaki meningkat 0.2 mata peratus mencatatkan 83.2 peratus pada ST1 2025. Sementara itu, KPTB perempuan kekal stabil pada suku yang sama tahun sebelumnya kepada 56.3 peratus. Secara suku tahunan, KPTB lelaki dan perempuan masing-masing kekal stabil. Pada masa yang sama, data menunjukkan bahawa KPTB lelaki secara purata kekal melebihi 80.0 peratus, hampir dua kali ganda kadar yang dicatatkan oleh perempuan. Dari segi penyertaan tenaga buruh mengikut kumpulan umur, dua kumpulan umur menunjukkan KPTB melebihi 80.0 peratus. KPTB tertinggi dapat dilihat dalam kalangan yang berumur 25 hingga 34 tahun pada 86.2 peratus, diikuti 84.5 peratus bagi kumpulan umur 35 hingga 44 tahun. Tambahan pula, mereka berumur 45 hingga 54 tahun turut merekodkan KPTB yang agak tinggi pada 76.0 peratus, melebihi KPTB nasional. Sebaliknya, kumpulan umur 15 hingga 24 tahun mencatatkan kadar terendah iaitu 47.8 peratus.


Pecahan lanjut mengikut jantina dan kumpulan umur menunjukkan bahawa lelaki dan wanita mempunyai puncak kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) yang berbeza. KPTB lelaki melonjak melebihi 90.0 peratus bagi kumpulan umur 25 hingga 34 tahun dan kekal tinggi sehingga kumpulan umur 45 hingga 54 tahun sebelum menurun bagi kumpulan umur tertua iaitu 55 hingga 64 tahun. Pada ST1 2025, KPTB lelaki memuncak pada 97.0 peratus bagi kumpulan berumur 35 hingga 44 tahun dan KPTB wanita pada 73.3 peratus bagi kumpulan berumur 25 hingga 34 tahun. Walau bagaimanapun, KPTB wanita menurun untuk kumpulan umur yang lebih muda berbanding lelaki dan terus berkurang selaras dengan peningkatan umur [Carta 2.5].

Carta 2.5:


Kadar penyertaan tenaga buruh mengikut jantina dan kumpulan umur, ST1 2025

Jumlah — Lelaki — Perempuan

Peratus (%)



Peratus (%)




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM

2.2 Situasi Guna Tenaga

Berdasarkan situasi guna tenaga pada ST1 2025, bilangan penduduk bekerja menunjukkan peningkatan tahun ke tahun dengan 3.0 peratus (+486.2 ribu orang) berbanding 1.3 peratus pada suku tahun sebelumnya merekodkan 16.70 juta orang. Justeru itu, keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan yang diukur oleh nisbah guna tenaga kepada penduduk meningkat 0.6 mata peratus dari suku sama tahun sebelumnya kepada 68.6 peratus. Sementara itu, penduduk bekerja turut mencatatkan pertumbuhan signifikan 0.9 peratus (+143.9 ribu orang) suku ke suku berbanding 0.6 peratus pada ST4 2024. Dalam tempoh yang sama, nisbah guna tenaga kepada penduduk juga meningkat 0.2 mata peratus [Carta 2.6 & 2.7].

Carta 2.6:

Penduduk bekerja dan nisbah guna tenaga kepada penduduk, ST1 2022 – ST1 2025




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM

Nota: * Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Carta 2.7:

Peratus perubahan penduduk bekerja, ST1 2022 – ST1 2025



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM

Nota: * Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020



Lelaki merangkumi lebih daripada separuh penduduk bekerja pada ST1 2025, mewakili 63.2 peratus atau 10.55 juta orang, manakala perempuan pula terdiri daripada 36.8 peratus atau 6.15 juta orang. Peningkatan bilangan penduduk bekerja dari suku sama tahun sebelumnya disokong oleh kenaikan bagi kedua-dua jantina lelaki dan perempuan iaitu masing-masing sebanyak 3.7 peratus (+380.5 ribu orang) dan 1.7 peratus (+105.7 ribu orang). Secara suku tahunan, bilangan penduduk bekerja bagi lelaki meningkat 1.2 peratus, manakala penduduk bekerja bagi perempuan meningkat 0.3 peratus [Carta 2.8].

Carta 2.8:

Taburan dan peratus perubahan penduduk bekerja mengikut jantina, ST1 2025

■ Lelaki ■ Perempuan

Peratus sumbangan (%)
[Orang (juta)]




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM

Pada ST1 2025, kumpulan umur 25 hingga 34 tahun merekodkan sumbangan terbesar dalam penduduk bekerja, seramai 31.1 peratus atau 5.19 juta orang. Ini diikuti kumpulan umur 35 hingga 44 tahun yang berada pada kedudukan kedua dengan 27.9 peratus atau 4.67 juta orang. Hasil gabungan kedua-dua kategori ini merangkumi hampir dua pertiga daripada jumlah guna tenaga. Sementara itu, belia bekerja berumur 15 hingga 24 tahun menyumbang 15.4 peratus atau bersamaan 2.58 juta orang, manakala kumpulan umur yang lebih tua iaitu 55 hingga 64 tahun menyumbang 1.41 juta orang, merangkumi 8.5 peratus pada suku tahun.

Berdasarkan analisis mengikut kumpulan umur, peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja dapat dilihat bagi semua kumpulan umur kecuali umur 45 hingga 54 tahun, menunjukkan penurunan 0.8 peratus (-23.3 ribu orang) pada ST1 2025. Pertumbuhan tertinggi dalam bilangan penduduk bekerja dicatatkan oleh kumpulan umur yang lebih tua iaitu 55 hingga 64 tahun dengan pertumbuhan sebanyak 12.7 peratus (+159.6 ribu orang), diikuti oleh belia berumur 15 hingga 24 tahun, meningkat 5.3 peratus (+129.4 ribu orang). Kategori lain yang mencatatkan pertumbuhan signifikan dalam penduduk bekerja bagi suku tahun tersebut adalah mereka berumur 25 hingga 34 tahun dan 35 hingga 44 tahun dengan masing-masing meningkat 2.4 peratus dan 2.2 peratus. Berbanding suku sebelumnya, penduduk bekerja bagi semua kumpulan umur mencatatkan pertumbuhan positif suku ke suku [Carta 2.9].

Carta 2.9:
Taburan dan peratus perubahan penduduk bekerja mengikut kumpulan umur, ST1 2025



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM

Bagi taburan mengikut pencapaian pendidikan, majoriti daripada penduduk bekerja mempunyai pendidikan menengah yang merangkumi seramai 55.7 peratus atau 9.30 juta orang, diikuti oleh pendidikan tertiar seramai 32.7 peratus atau 5.47 juta orang. Sementara itu, penduduk bekerja dengan pendidikan rendah dan tiada pendidikan formal masing-masing mewakili 9.0 peratus dan 2.5 peratus.


Berdasarkan perbandingan tahun ke tahun, penduduk bekerja yang tiada pendidikan formal berkembang 0.4 peratus (+1.8 ribu orang) dan mereka yang berpendidikan rendah turut mencatatkan peningkatan sebanyak 8.7 peratus (+121.0 ribu orang). Di samping itu, bilangan penduduk bekerja dengan pendidikan tertiar meningkat 3.6 peratus (+188.6 ribu orang), diikuti oleh penduduk bekerja yang mempunyai pendidikan menengah, meningkat 1.9 peratus (+174.9 ribu orang). Sementara itu, peningkatan suku tahunan dalam bilangan penduduk bekerja adalah disebabkan oleh pertumbuhan positif bagi semua kategori pencapaian pendidikan [Carta 2.10].

Carta 2.10:

Taburan dan peratus perubahan penduduk bekerja mengikut pencapaian pendidikan, ST1 2025

■ Tertiari ■ Menengah ■ Rendah ■ Tiada pendidikan formal


Peratus sumbangan (%)
[Orang (juta)]



Peratus perubahan (%)

Tahunan

Suku tahunan



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM


Melihat kepada penduduk bekerja mengikut tahap kemahiran, kategori pekerjaan separuh mahir, yang merangkumi 56.7 peratus daripada jumlah guna tenaga meningkat 2.9 peratus (+270.3 ribu orang) tahun ke tahun, merekodkan jumlah seramai 9.47 juta orang pada ST1 2025. Kebanyakan daripada penduduk bekerja dalam kategori separuh mahir tertumpu dalam Pekerja perkhidmatan dan jualan iaitu 23.4 peratus, merangkumi 3.92 juta orang [Carta 2.11 & Jadual 2.1].

Carta 2.11:

Taburan penduduk bekerja mengikut tahap kemahiran dan pekerjaan, ST1 2025

■ Pengurus ■ Profesional ■ Juruteknik dan profesional bersekutu ■ Pekerja sokongan perkeranian ■ Pekerja perkhidmatan dan jualan
■ Pekerja mahir pertanian, perhutanan dan perikanan ■ Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan ■ Operator loji dan mesin serta pemasang ■ Pekerjaan asas

Peratus sumbangan (%)



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM

Jadual 2.1:
Bilangan, peratus sumbangan & peratus perubahan penduduk bekerja mengikut tahap kemahiran dan pekerjaan, ST1 2025

Tahap kemahiran	Pekerjaan	Penduduk bekerja ('000)	Peratus sumbangan kepada tahap kemahiran (%)	Peratus perubahan (%)	
				Tahunan	Suku tahunan
Mahir		5,079.1	100.0	2.7	1.2
	Pengurus	847.8	16.7	6.1	4.1
	Profesional	2,249.0	44.3	2.2	0.9
	Juruteknik dan profesional bersekutu	1,982.3	39.0	1.7	0.4
Separuh mahir		9,470.2	100.0	2.9	0.6
	Pekerja sokongan perkeranian	1,671.1	17.6	5.2	0.8
	Pekerja perkhidmatan dan jualan	3,915.9	41.3	1.3	0.6
	Pekerja mahir pertanian, perhutanan dan perikanan	698.5	7.4	0.5	0.5
	Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan	1,476.5	15.6	4.5	0.7
	Operator loji dan mesin serta pemasang	1,708.2	18.0	4.3	0.6
Berkemahiran rendah		2,153.6	100.0	4.1	1.1
	Pekerja asas	2,153.6	100.0	4.1	1.1

Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM

Selain itu, kategori pekerjaan mahir menyumbang 30.4 peratus daripada jumlah guna tenaga. Bilangan penduduk bekerja bagi kategori ini meningkat 2.7 peratus (+131.5 ribu orang) tahun ke tahun, mencapai 5.08 juta orang pada ST1 2025. Namum begitu, penduduk bekerja dalam kategori pekerjaan berkemahiran rendah yang merangkumi baki sumbangan 12.9 peratus daripada jumlah guna tenaga meningkat 4.1 peratus (+84.3 ribu orang) kepada 2.15 juta penduduk bekerja. Begitu juga, perbandingan suku ke suku mendapati bahawa bilangan penduduk bekerja dalam kategori pekerjaan mahir meningkat 1.2 peratus (+62.1 ribu orang) dari ST4 2024. Sementara itu, penduduk bekerja dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah masing-masing meningkat sebanyak 0.6 peratus (+58.8 ribu orang) dan 1.1 peratus (+23.1 ribu orang).

Pecahan lanjut mengikut taraf pekerjaan menunjukkan bahawa kategori pekerja, yang terdiri daripada pekerja bergaji dalam sektor awam dan swasta, merupakan segmen terbesar dalam penduduk bekerja. Kumpulan ini merangkumi 76.3 peratus daripada penduduk bekerja dan mengalami kenaikan tahun ke tahun sebanyak 2.2 peratus (+279.6 ribu orang), menyumbang kepada 12.74 juta orang pada ST1 2025. Di samping itu, kategori majikan meliputi 3.7 peratus daripada jumlah guna tenaga meningkat 8.4 peratus (+47.8 ribu orang), menjadikan jumlahnya kepada 617.6 ribu orang pada suku tahun tersebut.


Mereka yang bekerja sendiri meliputi pelbagai peranan, daripada pekerjaan tradisional sebagai petani, peruncit dan penjaja sehingga pekerjaan profesional seperti perunding dan bekerja bebas (freelancers), merangkumi 17.4 peratus atau 2.9 juta orang. Kategori ini mengekalkan pertumbuhan positif sebanyak 5.3 peratus (+147.4 ribu orang) tahun ke tahun. Sebaliknya, baki 2.6 peratus mewakili kategori pekerja keluarga tanpa gaji, meningkat 2.7 peratus (+11.4 ribu orang), menyumbang kepada 440.0 ribu orang. Berdasarkan perbandingan suku tahunan, semua kategori bagi taraf pekerjaan menunjukkan pertumbuhan positif kecuali majikan, berkurang 6.3 peratus pada ST1 2025 [Carta 2.12].

Carta 2.12:


Taburan dan peratus perubahan penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, ST1 2025

■ Majikan ■ Pekerja ■ Bekerja sendiri ■ Pekerja keluarga tanpa gaji

Peratus sumbangan (%)
[Orang (juta)]



Peratus perubahan (%)
Tahunan Suku tahunan




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM

2.3 Gambaran Situasi Guna Tenaga Tidak Penuh

Bilangan penduduk dalam guna tenaga tidak penuh berkaitan masa merujuk kepada mereka yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu serta sanggup dan boleh menerima tambahan jam bekerja menunjukkan trend menurun daripada suku yang sama tahun 2024, dengan penurunan sebanyak 9.2 peratus (-14.9 ribu orang) kepada 146.9 ribu orang. Sehubungan itu, kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa merangkumi 0.9 peratus, berkurang 0.1 mata peratus berbanding dengan suku sama tahun sebelumnya. Trend yang sama juga dapat diperhatikan secara suku tahunan apabila kumpulan ini menurun 3.8 peratus (-5.8 ribu orang) manakala kadar berkurang sebanyak 0.1 mata peratus dari suku sebelumnya [Carta 2.13 & 2.14].

Carta 2.13:

Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa, ST1 2022 – ST1 2025




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM

Nota: r Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Carta 2.14:

Peratus perubahan guna tenaga tidak penuh berkaitan masa, ST1 2022 – ST1 2025



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM


Nota: r Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Satu lagi dimensi guna tenaga tidak penuh dikaitkan dengan kemahiran atau secara umumnya didefinisikan sebagai kategori yang ingin mengubah situasi pekerjaan semasa mereka bagi memanfaatkan sepenuhnya kemahiran mereka dalam pekerjaan. Berdasarkan ketersediaan data dari Survei Tenaga Buruh (STB), indikator ini diukur menggunakan proksi pemboleh ubah pekerjaan dan pencapaian pendidikan. Pada ST1 2025, bilangan penduduk dalam guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran meningkat 1.7 peratus (+32.9 ribu orang) tahun ke tahun, untuk merekodkan 1.95 juta orang. Walau bagaimanapun, peratus sumbangan penduduk bekerja berpendidikan tertiar yang bekerja dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah terus berkurang sebanyak 0.7 mata peratus kepada 35.7 peratus.

Begitu juga, perbandingan dengan ST4 2024 menunjukkan mereka yang berada dalam guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran menurun 0.4 peratus (-7.4 ribu orang), manakala kadarnya turut berkurangan 0.1 mata peratus [Carta 2.15 & 2.16].

Carta 2.15:

Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran, ST1 2022 – ST1 2025




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM

Nota: ^r Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Carta 2.16:

Peratus perubahan guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran, ST1 2022 – ST1 2025



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM


Nota: ^r Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

2.4 Situasi Pengangguran Negara

Pada ST1 2025, bilangan penganggur berkurang 5.0 peratus (-27.5 ribu orang) berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya kepada 526.3 ribu orang. Oleh itu, kadar pengangguran negara berada pada 3.1 peratus, selepas mencatatkan penurunan 0.2 mata peratus tahun-ke-tahun. Trend yang sama berterusan daripada suku tahun sebelumnya, di mana bilangan penganggur menurun 2.3 peratus (-12.4 ribu orang), manakala kadar pengangguran menurun sedikit daripada 3.2 peratus pada suku tahun sebelumnya [Carta 2.17 & 2.18].

Carta 2.17:

Penganggur dan kadar pengangguran, ST1 2022 – ST1 2025




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM

Nota: * Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Carta 2.18:

Peratus perubahan penganggur, ST1 2022 – ST1 2025



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM

Nota: * Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Pada ST1 2025, kebanyakan penganggur berada di kawasan bandar, membentuk 72.4 peratus daripada jumlah penganggur, sementara kawasan luar bandar menyumbang 27.6 peratus. Berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas, bilangan penganggur menurun di kedua-dua kawasan. Bilangan penganggur di kawasan bandar menurun sebanyak 2.2 peratus (-8.4 ribu orang) kepada 380.8 ribu orang, dengan kadar pengangguran pada 2.9 peratus. Di kawasan luar bandar, bilangan penganggur jatuh sebanyak 11.6 peratus



(-19.0 ribu orang) kepada 145.5 ribu orang, dan kadar pengangguran menurun kepada 3.8 peratus. Secara suku ke suku, bilangan penganggur juga menurun sebanyak 1.0 peratus (-3.9 ribu orang) di kawasan bandar dan 5.6 peratus (-8.6 ribu orang) di kawasan luar bandar **[Carta 2.19]**.

Carta 2.19:

Taburan dan peratus perubahan penganggur mengikut strata, ST1 2025

■ Bandar ■ Luar bandar

Peratus sumbangan (%)
[Orang (ribu)]



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM


Penganggur lelaki merangkumi lebih separuh (59.9%) daripada jumlah pengangguran berbanding 40.1 peratus penganggur perempuan. Penurunan tahun-ke-tahun bagi pengangguran pada ST1 2025 adalah disebabkan oleh kedua-dua jantina, di mana bilangan penganggur lelaki turun 3.5 peratus (-11.3 ribu orang) berbanding suku yang sama pada tahun 2024, yang menyumbang 315.4 ribu orang. Sementara itu, penganggur perempuan berkurang 7.1 peratus tahun-ke-tahun (-16.2 ribu orang) kepada 211.0 ribu orang. Kedua-dua lelaki dan perempuan masing-masing mencatatkan sedikit penurunan sebanyak 2.0 peratus (-6.4 ribu orang) dan 2.8 peratus (-6.0 ribu orang) berbanding suku tahun sebelumnya **[Carta 2.20]**.

Carta 2.20:

Taburan dan peratus perubahan penganggur mengikut jantina, ST1 2025

■ Lelaki ■ Perempuan

Peratus sumbangan (%)
[Orang (juta)]




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM

Pengangguran sebahagian besarnya tertumpu dalam kumpulan umur belia 15 hingga 24 tahun, meliputi sumbangan sebanyak 53.5 peratus atau bersamaan 281.7 ribu orang pada ST1 2025, diikuti 23.6 peratus atau 124.0 ribu orang dalam kumpulan umur 25 hingga 34 tahun. Gabungan kedua-dua kategori ini meliputi lebih daripada 70 peratus pengangguran dalam kumpulan umur muda. Sementara itu, penganggur berumur 45 hingga 54 tahun merekodkan sumbangan terendah sebanyak 6.3 peratus atau 33.2 ribu orang pada suku tahun tersebut.

Perbandingan dengan suku tahun yang sama tahun lalu, tiga kumpulan umur mencatatkan penurunan dari segi bilangan penganggur secara tahunan. Penurunan yang paling ketara dicatatkan dalam kumpulan umur 35 hingga 44 tahun yang menurun sebanyak 42.4 peratus

(-28.6 ribu orang), diikuti dengan penurunan sebanyak 29.8 peratus (-14.1 ribu orang) dalam kumpulan umur 45 hingga 54 tahun, dan pengurangan sebanyak 3.9 peratus (-2.0 ribu orang) dalam kalangan mereka yang berumur 55 hingga 64 tahun pada ST1 2025. Dalam tempoh yang sama, kumpulan umur yang lebih muda iaitu 15 hingga 24 tahun dan 25 hingga 34 tahun masing masing menunjukkan peningkatan dalam bilangan penganggur, yang meningkat sebanyak 4.2 peratus (+11.3 ribu orang) dan 5.1 peratus (+6.0 ribu orang). Perbandingan dengan suku tahun sebelumnya, penurunan bilangan penganggur dilihat dalam kumpulan umur 35 hingga 44 tahun dan 45 hingga 64 tahun, manakala tiga kumpulan umur lain mencatatkan pertumbuhan positif suku ke suku **[Carta 2.21]**.

Carta 2.21:
Taburan dan peratus perubahan penganggur mengikut kumpulan umur, ST1 2025




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM

Walaupun bilangan penganggur lelaki lebih ramai berbanding perempuan, kadar pengangguran bagi perempuan adalah lebih tinggi daripada lelaki. Pada ST1 2025, kadar pengangguran perempuan adalah 3.3 peratus, 0.4 mata peratus lebih tinggi daripada lelaki iaitu pada kadar 2.9 peratus. Kedua-dua mencatatkan kadar yang lebih rendah berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya, di mana kadar pengangguran lelaki jatuh 0.2 mata peratus manakala kadar pengangguran perempuan turun 0.3 mata peratus. Berbanding suku tahun sebelumnya, kadar pengangguran bagi lelaki dan perempuan turun 0.1 mata peratus.

Merentasi semua kumpulan umur, kadar pengangguran pada ST1 2025 menurun kecuali bagi mereka yang berumur 15 hingga 24 tahun dan 25 hingga 34 tahun yang kekal tanpa perubahan berbanding suku yang sama tahun 2024, dengan masing-masing mencatatkan kadar 9.9 peratus dan 2.3 peratus. Kumpulan umur 35 hingga 44 tahun dan 55 hingga 64 tahun mencatatkan penurunan terbesar dalam kadar pengangguran sepanjang tahun lepas. Kadar pengangguran bagi mereka yang berumur 35 hingga 44 tahun jatuh daripada 1.5 peratus kepada 0.8 peratus, manakala kumpulan umur 55 hingga 64 tahun mengalami penurunan daripada 3.9 peratus kepada 3.3 peratus pada suku tahun ini **[Carta 2.22]**.

Carta 2.22:


Kadar pengangguran mengikut jantina dan kumpulan umur, ST1 2022 – ST1 2025

Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM

Nota: * Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Secara keseluruhan, penganggur aktif membentuk hampir 90 peratus daripada jumlah pengangguran di Malaysia. Pada ST1 2025, sumbangannya adalah sebanyak 80.1 peratus yang bersamaan 421.5 ribu orang. Kategori ini mengalami penurunan 2.9 peratus (-12.4 ribu orang berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya. Sementara itu, bilangan penganggur tidak aktif merekodkan pengurangan 12.6 peratus (-15.1 ribu orang) kepada 104.8 ribu orang [Carta 2.23].

Carta 2.23:


Taburan dan peratus perubahan penganggur aktif dan tidak aktif, ST1 2022 – ST1 2025

Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM

Nota: * Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Bagi tempoh menganggur, lebih separuh daripada penganggur aktif menganggur kurang daripada tiga bulan, dengan sumbangan 64.0 peratus atau bersamaan 269.9 ribu orang. Sementara itu, mereka yang menganggur jangka panjang atau menganggur lebih daripada setahun merangkumi 5.7 peratus atau 23.9 ribu orang pada ST1 2025. Secara keseluruhan, bilangan penganggur aktif mengikut tempoh pengangguran mencatatkan penurunan dari segi tahunan dan suku tahunan untuk semua kategori. Ini mencerminkan penambahbaikan dalam keadaan pengangguran bagi semua tempoh menganggur [Carta 2.24].

Carta 2.24:
Taburan dan peratus perubahan penganggur aktif mengikut tempoh menganggur, ST1 2025




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM

2.5 Luar Tenaga Buruh

Beralih kepada penduduk luar tenaga buruh, ST1 2025 mencatatkan peningkatan sebanyak 1.5 peratus (+105.0 ribu orang) kepada 7.13 juta orang berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Secara suku tahunan, bilangan penduduk luar tenaga buruh juga meningkat sedikit sebanyak 0.2 peratus (+15.4 ribu orang) berbanding suku sebelumnya [Carta 2.25].

Carta 2.25:

Luar tenaga buruh, ST1 2022 – ST1 2025



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM

Nota: ^r Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020


Pada ST1 2025, majoriti penduduk luar tenaga buruh terdiri daripada perempuan merangkumi 69.3 peratus atau 4.94 juta orang, manakala lelaki menyumbang 30.7 peratus atau 2.19 juta orang. Berbanding suku yang sama tahun sebelumnya, bilangan lelaki luar tenaga buruh meningkat sebanyak 1.6 peratus (+33.9 ribu orang), manakala perempuan mencatatkan pertambahan sebanyak 1.5 peratus (+71.1 ribu orang). Corak yang sama diperhatikan bagi perubahan suku tahunan, di mana bilangan lelaki meningkat sebanyak 0.5 peratus (+11.7 ribu orang), manakala perempuan mengalami sedikit peningkatan sebanyak 0.1 peratus (+3.6 ribu orang) pada ST1 2025 [Carta 2.26].

Carta 2.26:


Taburan dan peratus perubahan luar tenaga buruh mengikut jantina, ST1 2025

■ Lelaki ■ Perempuan

Peratus sumbangan (%)
[Orang (juta)]



Peratus perubahan (%)
Tahunan Suku tahunan




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM

Melihat kepada taburan luar tenaga buruh mengikut kumpulan umur pada ST1 2025, hampir separuh adalah belia berumur 15 hingga 24 tahun, dengan kategori ini merangkumi 43.9 peratus atau bersamaan 3.13 juta orang. Umumnya, kumpulan ini sebahagian boleh dikaitkan dengan mereka yang belum menamatkan pengajian atau sedang menjalani program latihan. Satu lagi sumbangan besar yang signifikan iaitu 19.3 peratus atau 1.37 juta orang adalah dalam kumpulan umur 55 hingga 64 tahun yang mungkin berada di luar tenaga buruh disebabkan oleh persaraan atau usia tua.

Semua kumpulan umur mencatatkan peningkatan tahun-ke-tahun dalam bilangan luar tenaga buruh pada ST1 2025, kecuali mereka berumur 15 hingga 24 tahun dan 55 hingga 64 tahun, yang masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 0.1 peratus (-2.2 ribu orang) dan 8.4 peratus (-126.5 ribu orang). Tiga kumpulan umur mencatatkan peningkatan tahun-ke-tahun dalam bilangan luar tenaga buruh dengan peningkatan tertinggi direkodkan oleh kumpulan umur 25 hingga 34 tahun, iaitu sebanyak 12.8 peratus (+97.1 ribu orang). Kumpulan umur 45 hingga 54 tahun merekodkan pertumbuhan sebanyak 10.7 peratus (+88.0 ribu orang), manakala kumpulan umur 35 hingga 44 tahun mencatatkan peningkatan sebanyak 6.0 peratus (+48.5 ribu orang). Namun begitu, secara suku tahunan, penurunan bilangan luar tenaga buruh direkodkan dalam kalangan kumpulan umur yang lebih tua, iaitu 45 hingga 54 tahun dan 55 hingga 64 tahun. Sebaliknya, tiga kumpulan umur lain mencatatkan pertumbuhan positif dari suku ke suku [Carta 2.27].

Carta2.27:
Taburan dan peratus perubahan luar tenaga buruh mengikut kumpulan umur, ST1 2025



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM

Analisis tambahan mengikut kumpulan umur menunjukkan corak yang berbeza antara luar tenaga buruh bagi lelaki dan perempuan. Sesuatu yang menarik untuk diperhatikan bahawa belia berumur 15 hingga 24 tahun merangkumi lebih separuh (71.4%) daripada luar tenaga buruh lelaki pada ST1 2025, diikuti oleh 15.1 peratus dalam kumpulan umur lebih tua iaitu 55 hingga 64 tahun. Hal ini berkemungkinan kerana kemasukan lelaki ke dalam pasaran pekerjaan lebih lewat disebabkan faktor pendidikan, manakala kebanyakan mereka yang keluar dari pasaran pekerjaan adalah disebabkan persaraan.


Begitu juga, kumpulan umur belia mempunyai komposisi yang tinggi bagi luar tenaga buruh perempuan iaitu 31.6 peratus, diikuti dengan kumpulan umur yang lebih tua 55 hingga 64 tahun (21.1%). Namun begitu, gabungan peratus sumbangan kedua-duanya, iaitu 52.7 peratus adalah jauh lebih rendah berbanding sumbangan lelaki dalam kumpulan umur yang sama (86.5%). Hal ini mendorong kepada peratus sumbangan yang ketara bagi luar tenaga buruh perempuan merentasi kumpulan umur lain, iaitu antara 14.6 peratus hingga 17.0 peratus, justeru menunjukkan bahawa perempuan lebih cenderung untuk keluar daripada pasaran pekerjaan lebih awal berbanding lelaki [Carta 2.28].

Carta 2.28:

Taburan luar tenaga buruh mengikut jantina dan kumpulan umur, ST1 2025

■ 15-24 ■ 25-34 ■ 35-44 ■ 45-54 ■ 55-64

Peratus sumbangan (%)



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM

Dalam kalangan luar tenaga buruh, komposisi terbesar sebanyak 44.2 peratus tidak mencari pekerjaan pada ST1 2025 disebabkan oleh kerja rumah atau tanggungjawab keluarga. Bilangan dalam kategori ini menyaksikan peningkatan 2.7 peratus tahun-ke-tahun (+84.0 ribu orang) untuk merekodkan 3.15 juta orang. Satu lagi kumpulan yang menyumbang peratus yang agak ketara iaitu 41.6 peratus atau bersamaan 2.96 juta orang luar tenaga buruh disebabkan oleh masih bersekolah atau masih dalam program latihan. Berbanding suku yang sama pada tahun 2024, bilangan dalam kategori ini meningkat 2.5 peratus (+73.0 ribu orang).

Selain itu, sumbangan sebanyak 1.6 peratus luar tenaga buruh yang tidak mencari kerja kerana mereka akan melanjutkan pelajaran meningkat 9.2 peratus tahun-ke-tahun (+9.5 ribu orang) kepada 113.0 ribu orang, menunjukkan kumpulan ini berpotensi menyertai tenaga buruh apabila menamatkan pengajian atau program latihan mereka. Peratus terendah sebab tidak mencari kerja adalah disebabkan tidak berminat atau baru tamat pengajian, yang menyumbang 1.2 peratus atau 82.9 ribu orang pada ST1 2025 [Paparan 2.1].

Paparan 2.1:
Taburan dan peratus perubahan luar tenaga buruh mengikut sebab tidak mencari kerja, ST1 2025

		ST1 2025	Peratus perubahan (tahun ke tahun)		
		Orang ('000)	Peratus perubahan (suku ke suku)		
		(Peratus sumbangan)			
Bersekolah/ program latihan		2,961.1 (41.6%)	▲ 2.5%	ST1 2024: 2,888.1 (41.1%)	
			▲ 0.8%	ST4 2024: 2,938.8 (41.3%)	
Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga		3,152.1 (44.2%)	▲ 2.7%	ST1 2024: 3,068.1 (43.7%)	
			▲ 0.6%	ST4 2024: 3,134.2 (44.1%)	
Melanjutkan pelajaran		113.0 (1.6%)	▲ 9.2%	ST1 2024: 103.5 (1.5%)	
			▲ 24.5%	ST4 2024: 90.8 (1.3%)	
Kurang upaya		219.6 (3.1%)	▲ 3.0%	ST1 2024: 213.1 (3.0%)	
			▼ -2.4%	ST4 2024: 224.9 (3.2%)	
Tidak berminat/ baru tamat pengajian		82.9 (1.2%)	▲ 9.0%	ST1 2024: 76.1 (1.1%)	
			▼ -2.5%	ST4 2024: 85.1 (1.2%)	
Bersara/ lanjut usia		597.3 (8.4%)	▼ -11.1%	ST1 2024: 672.2 (9.6%)	
			▼ -6.2%	ST4 2024: 636.9 (9.0%)	

Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM


2.6 Situasi Tenaga Buruh Mengikut Negeri

Berhubung situasi tenaga buruh di peringkat negeri pada ST1 2025, lima negeri mencatatkan kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) yang lebih tinggi daripada 70.7 peratus yang direkodkan di peringkat nasional, iaitu Selangor (77.9%), W.P. Putrajaya (77.6%), W.P. Kuala Lumpur (75.4%), Johor (71.7%), dan Pulau Pinang (71.1%).

Jika dibandingkan dengan suku yang sama pada tahun sebelumnya, kebanyakan negeri mencatatkan peningkatan dalam KPTB kecuali W.P. Putrajaya, Perak, Pulau Pinang, W.P. Labuan, Negeri Sembilan, Melaka, Kedah dan Terengganu. Pada ST1 2025, Pahang mencatatkan perbezaan tahunan positif tertinggi bagi KPTB sebanyak 2.0 mata peratus kepada 66.1 peratus, manakala negeri lain mencatatkan peningkatan KPTB antara 0.1 hingga 1.1 mata peratus. Trend ini menunjukkan peningkatan penyertaan penduduk umur bekerja di negeri masing-masing dalam tenaga buruh, sama ada yang sedang bekerja atau sedang mencari pekerjaan [**Carta 2.29**].

Carta 2.29:

Kadar penyertaan tenaga buruh mengikut negeri, ST1 2025




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM

Pada ST1 2025, jumlah guna tenaga di Malaysia berkembang sebanyak 3.0 peratus. Peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja sepanjang suku ini menyumbang kepada pertumbuhan tahunan positif yang dicatatkan oleh kebanyakan negeri kecuali Pulau Pinang. Selangor yang merangkumi 24.3 peratus daripada jumlah guna tenaga mencatatkan peningkatan paling ketara dalam bilangan penduduk bekerja sebanyak 3.4 peratus (+134.3 ribu orang) kepada 4.06 juta orang. Ini diikuti oleh Johor dengan sumbangan sebanyak 12.7 peratus atau 2.12 juta penduduk bekerja selepas peningkatan tahunan sebanyak 3.4 peratus (+69.4 ribu orang).

Sebaliknya, bilangan penduduk bekerja di Pulau Pinang yang menyumbang 5.5 peratus daripada jumlah guna tenaga negara, menurun sebanyak 1.4 peratus (-13.5 ribu orang) berbanding suku yang sama tahun lalu mencapai 923.2 ribu orang pada ST1 2025 [Carta 2.30].

Carta 2.30:
Guna tenaga mengikut negeri, ST1 2025



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM

Melihat kepada situasi pengangguran mengikut negeri pada ST1 2025, kadar pengangguran terendah dicatatkan di W.P. Putrajaya pada kadar 1.8 peratus. Negeri lain yang mencatatkan kadar pengangguran di bawah dua peratus pada suku tahunan tersebut adalah Pahang dan Melaka, yang masing-masing mencatatkan 1.9 peratus. Selain daripada tiga negeri ini, tujuh negeri lain mencatatkan kadar pengangguran yang lebih rendah daripada kadar nasional (3.1%), dengan julat antara 2.2 peratus hingga 2.9 peratus. Sementara itu, dalam kalangan enam negeri yang

mencatatkan kadar pengangguran melebihi 3.1 peratus, Sabah terus merekodkan kadar tertinggi pada 6.7 peratus walaupun merekodkan penurunan tahun-ke-tahun sebanyak 1.2 mata peratus dalam suku tahun tersebut.

Sebelas negeri mencatatkan penurunan dalam bilangan penganggur berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya. Perlis merekodkan pengurangan paling ketara, menurun sebanyak 29.7 peratus (-1.9 ribu orang) kepada 4.5 ribu orang. Walaupun terdapat penurunan keseluruhan dalam pengangguran, lima negeri mengalami peningkatan dalam bilangan penganggur berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan tertinggi dicatatkan di Pulau Pinang, yang meningkat sebanyak 20.5 peratus (+4.1 ribu orang) kepada 24.1 ribu orang, diikuti oleh Kelantan yang mencatatkan peningkatan sebanyak 8.8 peratus (+2.5 ribu orang) kepada 30.8 ribu orang penganggur pada ST1 2025 [Jadual 2.2].

Jadual 2.2:

Pengangguran mengikut negeri, ST1 2025


Negeri	Kadar pengangguran		Penganggur		
	Peratus (%)	Perbezaan mata peratus tahunan (%)	Orang ('000)	Peratus perubahan tahunan (%)	Perbezaan tahunan ('000)
Sabah	6.7	-1.3	126.6	-12.4	-17.9
W.P. Labuan	5.0	-1.9	2.3	-29.1	-1.0
Kelantan	4.2	0.2	30.8	9.0	2.5
Sarawak	3.5	-0.05	43.8	-0.2	-0.1
Perlis	3.3	-1.4	4.5	-29.6	1.9
Perak	3.2	-0.3	38.2	-8.4	-3.5
Malaysia	3.1	-0.2	526.3	-5.0	-27.5
Terengganu	2.9	-0.9	14.6	-22.8	-4.3
Negeri Sembilan	2.8	0.02	16.3	1.8	0.3
W.P. Kuala Lumpur	2.7	-0.3	33.4	-6.6	-2.4
Pulau Pinang	2.5	0.4	24.1	20.2	4.1
Kedah	2.5	-0.2	25.1	-6.4	-1.7
Johor	2.3	0.1	49.9	7.2	3.4
Selangor	2.2	-0.2	90.4	-4.2	-3.9
Pahang	1.9	-0.2	15.2	-5.7	-0.9
Melaka	1.9	-0.1	9.9	-1.3	-0.1
W.P. Putrajaya	1.8	-0.01	1.1	0.9	0.01

Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2025, DOSM

3.1 Jawatan dalam Sektor Ekonomi

Permintaan buruh mencatat jumlah tertinggi berbanding suku sebelumnya. Pada ST1 2025, permintaan buruh terus menunjukkan trend peningkatan, dengan bilangan jawatan dalam sektor ekonomi meningkat sebanyak 1.4 peratus (+127.0 ribu) berbanding tahun sebelumnya untuk mencatatkan sejumlah 9.06 juta jawatan. Secara perbandingan suku tahunan, bilangan jawatan meningkat sederhana sebanyak 0.1 peratus (+10.2 ribu), menunjukkan kestabilan dalam pertumbuhan permintaan buruh sepanjang suku tersebut [Carta 3.1].

Carta 3.1:
Bilangan dan peratus perubahan jawatan, ST1 2022 – ST1 2025



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST1 2025, DOSM


Pada ST1 2025, jawatan diisi meningkat sebanyak 1.4 peratus (+124.8 ribu) berbanding suku sama tahun sebelumnya, menjadikan jumlah keseluruhan kepada 8.87 juta jawatan diisi. Jumlah ini juga menunjukkan peningkatan sebanyak 0.1 peratus (+9.7 ribu) secara suku tahunan berbanding suku sebelumnya.

Bagi peluang pekerjaan dalam ekonomi, bilangan kekosongan jawatan meningkat sebanyak 1.2 peratus (+2.2 ribu) berbanding tahun sebelumnya, dengan jumlah keseluruhan sebanyak 194.1 ribu pada ST1 2025. Selain itu, kekosongan jawatan meningkat secara marginal 0.3 peratus (+0.5 ribu) berbanding suku sebelumnya.

Kadar jawatan diisi mencapai 97.9 peratus pada ST1 2025 dan mengekalkan peratusan yang sama berbanding tahun sebelumnya dan kekal stabil berbanding suku tahun sebelumnya. Selaras dengan itu, kadar kekosongan kepada bilangan jawatan menurun sebanyak 0.01 mata peratus pada suku tahun tersebut, kepada 2.1 peratus [Carta 3.2].

Carta 3.2:

Bilangan, peratus perubahan dan kadar jawatan diisi & kekosongan, ST1 2022 – ST1 2025



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST1 2025, DOSM


Analisis lebih terperinci mengikut sektor ekonomi menunjukkan bahawa pertumbuhan tahunan positif didorong oleh peningkatan bilangan jawatan dan jawatan diisi dalam semua sektor. Trend positif dalam permintaan buruh ini digambarkan melalui peningkatan bilangan kekosongan dalam semua sektor kecuali sektor Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian serta Pembinaan [Carta 3.3].

Carta 3.3:

Peratus perubahan tahunan jawatan, jawatan diisi & kekosongan mengikut sektor ekonomi, ST4 2024 & ST1 2025

■ Jawatan ■ Jawatan diisi ◆ Kekosongan

Peratus perubahan (%)



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST1 2025, DOSM

Pada ST1 2025, sebahagian besar jawatan tertumpu dalam sektor Perkhidmatan, merangkumi 52.0 peratus atau 4.72 juta jawatan, dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 1.8 peratus (+81.7 ribu). Pertumbuhan ini terutamanya didorong oleh peningkatan jawatan dalam semua subsektor, terutama subsektor Perdagangan Borong & Runcit yang meningkat sebanyak 2.9 peratus (+50.0 ribu). Dalam sektor Perkhidmatan, lebih 70 peratus jawatan tertumpu di tiga subsektor utama iaitu Perdagangan Borong & Runcit (37.3%), Kewangan, Insurans, Harta Tanah & Perkhidmatan Perniagaan (20.0%), dan Makanan & Minuman dan Penginapan (17.2%).

Daripada jumlah jawatan dalam sektor Perkhidmatan, kadar jawatan diisi merangkumi 99.5 peratus atau bersamaan 4.70 juta jawatan diisi dengan peningkatan tahunan sebanyak 1.8 peratus (+81.2 ribu) pada ST1 2025. Semua subsektor mencatatkan kadar melebihi 99.0 peratus, dengan subsektor Makanan & Minuman dan Penginapan mencatatkan kadar tertinggi (99.8%), manakala subsektor Kewangan, Insurans, Harta Tanah & Perkhidmatan Perniagaan mencatatkan kadar terendah (99.0%). Kekosongan jawatan dalam sektor Perkhidmatan merangkumi 0.5 peratus daripada jumlah jawatan dalam sektor Perkhidmatan atau 25.2 ribu kekosongan, mencatat peningkatan sebanyak 2.3 peratus (+0.6 ribu) berbanding suku yang sama tahun lalu. Sebahagian besar kekosongan jawatan didapati dalam subsektor Perdagangan Borong & Runcit (37.5%) dan Kewangan, Insurans, Harta Tanah & Perkhidmatan Perniagaan (37.4%).

Sementara itu, jawatan dalam sektor Pembuatan, yang meliputi 27.5 peratus atau 2.49 juta jawatan, berada di kedudukan kedua selepas sektor Perkhidmatan. Sektor ini mencatatkan peningkatan tahunan sebanyak 1.5 peratus (+37.4 ribu) pada ST1 2025, dengan pertumbuhan positif dalam semua subsektor. Pertambahan jawatan tertinggi dalam sektor Pembuatan berlaku dalam subsektor Pemprosesan makanan, minuman & produk tembakau dengan kenaikan 3.4 peratus (+11.7 ribu) tahunan. Subsektor utama dalam sektor Pembuatan termasuk Produk elektrik, elektronik & optikal (26.0%), Produk petroleum, kimia, getah & plastik (18.4%), dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (15.5%), yang secara kolektif menyumbang hampir dua pertiga jawatan dalam sektor Pembuatan.

Kadar jawatan diisi dalam sektor Pembuatan kekal pada 95.5 peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Pada tempoh yang sama, bilangan ini meningkat sebanyak 1.5 peratus (+35.0 ribu) untuk mencatat 2.38 juta jawatan diisi. Subsektor produk tekstil, pakaian & kulit mencatatkan kadar jawatan diisi tertinggi pada 96.5 peratus, manakala subsektor produk elektrik, elektronik & optikal menyumbang mencatat kadar terendah sebanyak 94.8 peratus. Jawatan kosong dalam sektor Pembuatan mencatatkan sebanyak 111.2 ribu, merangkumi 4.5 peratus daripada jumlah jawatan dalam sektor Pembuatan. Bilangan kekosongan dalam sektor ini meningkat marginal sebanyak 2.2 peratus (+2.4 ribu), dengan peningkatan dalam semua subsektor kecuali tekstil, pakaian & kulit (-1.0%; -0.03 ribu). Sebahagian besar daripada kekosongan jawatan tertumpu dalam dua subsektor, iaitu produk elektrik, elektronik & optikal (30.5%) dan produk petroleum, kimia, getah & plastik (18.2%).


Jawatan dalam sektor Pembinaan merangkumi 14.0 peratus daripada bilangan jawatan pada ST1 2025, meningkat sebanyak 0.5 peratus (+6.4 ribu) kepada 1.27 juta jawatan berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Kadar jawatan diisi dalam sektor ini adalah 98.0 peratus, manakala kadar kekosongan adalah 2.0 peratus pada suku tahun tersebut. Selain itu, jawatan dalam

sektor Pertanian menyumbang 5.5 peratus atau 500.5 ribu jawatan, manakala sektor Perlombongan & pengkuarian mencatat sumbangan terendah sebanyak 0.9 peratus atau bersamaan 80.8 ribu jawatan. Sektor ini masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 0.2 peratus (+1.1 ribu) dan peningkatan sebanyak 0.3 peratus (+0.3 ribu) berbanding ST1 2024. Sektor Perlombongan & pengkuarian secara konsisten mencatat kadar jawatan diisi kedua tertinggi pada 99.4 peratus, menunjukkan bilangan kekosongan kedua terendah pada suku tahun tersebut. Sebaliknya, sektor Pertanian mencatat kadar jawatan diisi sebanyak 93.7 peratus, menunjukkan kadar kekosongan tertinggi sebanyak 6.3 peratus pada ST1 2025 [Carta 3.4].

Carta 3.4:

Peratus sumbangan jawatan, jawatan diisi & kekosongan dan kadar jawatan diisi & kekosongan mengikut sektor ekonomi, ST1 2025

■ Jawatan ■ Jawatan diisi ■ Kekosongan



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST1 2025, DOSM


Berdasarkan permintaan buruh mengikut tahap kemahiran pada ST1 2025, jumlah jawatan dalam semua kategori kemahiran meningkat berbanding tahun sebelumnya. Fenomena yang sama turut berlaku pada bilangan jawatan diisi, menunjukkan kenaikan dalam semua kategori kemahiran [Carta 3.5].

Carta 3.5:

Peratus perubahan tahunan jawatan, jawatan diisi & kekosongan mengikut tahap kemahiran, ST4 2024 & ST1 2025

■ Jawatan ■ Jawatan diisi ■ Kekosongan

Peratus perubahan (%)



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST1 2025, DOSM


Majoriti jawatan dalam sektor ekonomi berada dalam kategori separuh mahir, merangkumi 62.4 peratus atau bersamaan dengan 5.66 juta jawatan pada ST1 2025. Lima pekerjaan dalam kategori ini terdiri daripada Pekerja sokongan perkeranian; Pekerja perkhidmatan dan jualan; Pekerja mahir pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan; Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; dan Operator mesin dan loji. Berbanding suku yang sama tahun sebelumnya, jawatan dalam kategori ini meningkat sebanyak 1.2 peratus (+69.8 ribu). Oleh itu, kadar jawatan diisi bagi kategori separuh mahir adalah 98.1 peratus, melibatkan 5.55 juta jawatan diisi, dengan peningkatan tahunan sebanyak 1.2 peratus (+68.0 ribu). Pada tempoh yang sama, bilangan kekosongan jawatan dalam kategori ini kekal pada 1.6 peratus (+1.8 ribu), dengan jumlah keseluruhan 109.2 ribu kekosongan dan kadar kekosongan sebanyak 1.9 peratus.

Jawatan mahir pula merangkumi sumbangan sebanyak 25.1 peratus pada ST1 2025, melibatkan tiga kategori pekerjaan, iaitu Pengurus; Profesional; dan Juruteknik dan profesional bersekutu. Bilangan jawatan mahir meningkat sebanyak 1.6 peratus (+35.3 ribu) secara tahunan kepada 2.28 juta jawatan pada suku tersebut. Sehubungan itu, bilangan jawatan diisi dalam kategori mahir meningkat sebanyak 1.6 peratus (+35.8 ribu) kepada 2.23 juta jawatan diisi. Walau bagaimanapun, kekosongan jawatan mahir menurun sebanyak 0.9 peratus (-0.4 ribu), mencatatkan sebanyak 47.4 ribu kekosongan. Kadar jawatan diisi dalam kategori mahir adalah 97.9 peratus, manakala kadar kekosongan adalah 2.1 peratus.

Namun begitu, baki 12.5 peratus jawatan berada dalam kategori berkemahiran rendah, yang meningkat sebanyak 2.0 peratus (+21.9 ribu) kepada 1.13 juta jawatan. Selari dengan itu, bilangan jawatan diisi berkemahiran rendah meningkat sebanyak 2.0 peratus (+21.0 ribu) kepada 1.09 juta, merekodkan kadar jawatan diisi sebanyak 96.7 peratus pada ST1 2025. Tambahan pula, kekosongan jawatan berkemahiran rendah meningkat sebanyak 2.4 peratus (+0.9 ribu) kepada 37.5 ribu, mencatatkan kadar kekosongan sebanyak 3.3 peratus [Carta 3.6].

Carta 3.6:
Peratus sumbangan jawatan, jawatan diisi & kekosongan dan kadar jawatan diisi & kekosongan mengikut tahap kemahiran, ST1 2025

■ Jawatan ■ Jawatan diisi ■ Kekosongan




Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST1 2025, DOSM

3.2 Pewujudan Jawatan

Pada ST1 2025, bilangan pewujudan jawatan dalam sektor ekonomi meningkat secara marginal sebanyak 3.4 peratus (+1.1 ribu) tahun-ke-tahun berbanding 1.3 peratus pada suku tahun sebelumnya. Jumlah keseluruhan jawatan yang diwujudkan adalah sebanyak 33.2 ribu. Sementara itu, bilangan ini juga mencatatkan pertumbuhan suku tahunan yang positif sebanyak 5.6 peratus (+1.8 ribu) daripada 31.5 ribu pada ST4 2024 [**Carta 3.7**].

Carta 3.7:

Bilangan dan peratus perubahan pewujudan jawatan, ST1 2022 – ST1 2025




Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST1 2025, DOSM

Pewujudan jawatan sebahagian besarnya adalah dalam sektor Perkhidmatan, merangkumi 48.1 peratus atau bersamaan dengan 16.0 ribu jawatan, mencatatkan kenaikan 0.3 peratus (+0.1 ribu) pada ST1 2025. Dalam sektor ini, subsektor Perdagangan borong & runcit memainkan peranan penting dengan menyumbang 8.8 ribu pewujudan jawatan, diikuti subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan dengan 2.8 ribu jawatan.

Sektor Pembuatan di kedudukan kedua dengan sumbangan 36.5 peratus daripada jumlah pewujudan jawatan pada ST1 2025, meningkat 13.1 peratus (+1.4 ribu) mencatatkan 12.1 ribu pewujudan jawatan. Gabungan sumbangan dua subsektor yang meliputi lebih separuh daripada pewujudan jawatan dalam sektor Pembuatan adalah subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal (34.9%) dan Produk petroleum, kimia, getah & plastik (25.9%).

Di samping itu, terdapat peningkatan 11.8 peratus tahunan dalam pewujudan jawatan bagi sektor Perlombongan & pengkuarian merekodkan 0.2 ribu pewujudan jawatan. Walau bagaimanapun, sektor Pertanian merangkumi 3.9 peratus pewujudan jawatan pada suku tahun ini, bersamaan dengan 1.3 ribu jawatan, mencatatkan penurunan 11.4 peratus (-0.2 ribu) berbanding suku sama tahun sebelumnya. Pada tempoh yang sama, sektor Pembinaan yang menyumbang 10.8 peratus juga mencatatkan penurunan 6.1 peratus (-0.2 ribu). Perbandingan suku tahun sebelumnya, bilangan pewujudan jawatan mencatatkan pertumbuhan positif bagi semua sektor ekonomi [**Carta 3.8**].


Carta 3.8:
Taburan dan peratus perubahan pewujudan jawatan mengikut sektor ekonomi, ST1 2025



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST1 2025, DOSM

Melihat kepada pewujudan jawatan mengikut tahap kemahiran, lebih separuh atau 62.5 peratus daripada jumlah pewujudan jawatan pada ST1 2025 tertumpu dalam kategori separuh mahir, yang menyumbang 20.8 ribu jawatan. Dari segi perubahan tahunan, bilangan pewujudan jawatan dalam kategori ini meningkat 4.4 peratus (+0.9 ribu). Kategori mahir berada di kedudukan kedua dengan komposisi hampir satu pertiga (26.9%) daripada jumlah pewujudan jawatan, mencatatkan pertumbuhan tahunan positif 0.9 peratus (+0.1 ribu) kepada 8.9 ribu pewujudan jawatan. Sementara itu, pewujudan jawatan dalam kategori berkemahiran rendah yang menyumbang 10.6 peratus daripada keseluruhan pewujudan jawatan, meningkat sebanyak 4.0 peratus (+0.1 ribu) untuk mencatatkan 3.5 ribu jawatan pada ST1 2025 [Carta 3.9].

Carta 3.9:
Taburan dan peratus perubahan pewujudan jawatan mengikut tahap kemahiran, ST1 2025




Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST1 2025, DOSM

4.1 Produktiviti Buruh per Jam Bekerja

Pada ST1 2025, ekonomi Malaysia terus berkembang 4.4 peratus tahun-ke-tahun berbanding 4.2 peratus pada suku yang sama tahun sebelumnya. Pertumbuhan ekonomi ini disertai dengan peningkatan dalam jumlah jam bekerja, meningkat sebanyak 3.3 peratus kepada 9.76 bilion jam. Perbandingan secara suku tahunan, jumlah jam bekerja meningkat sebanyak 0.2 peratus selepas meningkat 0.8 peratus pada ST4 2024 [**Carta 4.1**].

Carta 4.1:

Jumlah jam bekerja, ST1 2022 – ST1 2025




Sumber: Produktiviti Buruh, ST1 2025, DOSM

Di Malaysia, sektor Perkhidmatan menyumbang hampir dua pertiga atau 63.0 peratus daripada jumlah jam bekerja, menjadikannya penyumbang utama kepada ekonomi negara. Manakala sumbangan kedua tertinggi bagi jumlah jam bekerja adalah di sektor Pembuatan yang merangkumi 17.4 peratus, diikuti oleh sektor Pertanian dengan sumbangan 10.4 peratus pada ST1 2025. Pada suku yang sama, sektor Pembinaan menyumbang 8.7 peratus, dan sektor Perlombongan & pengkuarian meliputi 0.5 peratus daripada jumlah jam bekerja.

Semua sektor mencatatkan pertumbuhan positif tahun-ke-tahun bagi jumlah jam bekerja dengan sektor Perkhidmatan mencatatkan peningkatan tertinggi dalam jumlah jam bekerja, meningkat 4.5 peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Dua subsektor dengan pertumbuhan terbesar adalah dalam subsektor Makanan & minuman dan penginapan (9.7%) dan Utiliti (5.5%). Sementara itu, jumlah jam bekerja dalam sektor Pembuatan meningkat 1.3 peratus dengan peningkatan terbesar dalam subsektor Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (6.4%), diikuti oleh Produk petroleum, kimia, getah & plastik (2.3%). Pada suku yang sama, sektor Pertanian menyumbang 0.5 peratus, dan sektor Pembinaan menyumbang 2.5 peratus daripada jumlah jam bekerja. Namun, pertumbuhan sektor Perlombongan dan Pengkuarian beralih kepada momentum negatif, dengan penurunan sebanyak 1.8 peratus pada ST1 2025, selepas mencatat pertumbuhan positif sebanyak 1.8 peratus pada ST4 2024 [**Carta 4.2**].


Carta 4.2:
Peratus perubahan tahunan jumlah jam bekerja mengikut sektor ekonomi, ST4 2024 & ST1 2025



Sumber: Produktiviti Buruh, ST1 2025, DOSM

Secara keseluruhannya, produktiviti buruh yang diukur melalui nilai tambah per jam bekerja meningkat 1.0 peratus pada ST1 2025 selepas mencatatkan peningkatan 1.9 peratus pada suku tahun sebelumnya, membawa nilai produktiviti kepada RM42.5 per jam bekerja [Carta 4.3].

Carta 4.3:
Produktiviti buruh per jam bekerja, ST1 2022 – ST1 2025



Sumber: Produktiviti Buruh, ST1 2025, DOSM

Melihat kepada produktiviti buruh per jam bekerja mengikut sektor ekonomi pada ST1 2025, semua sektor menunjukkan pertumbuhan tahunan positif, kecuali sektor Perlombongan & pengkuarian mencatatkan penurunan sebanyak 0.9 peratus pada suku tersebut. Sementara itu, sektor Pembinaan meningkat paling tinggi dengan 11.3 peratus dalam produktiviti buruh per jam bekerja, walaupun ini lebih rendah berbanding peningkatan 18.7 peratus pada suku sebelumnya.

Pada suku tahun yang sama, sektor Pembuatan mencatatkan kenaikan 2.8 peratus dalam produktiviti buruh per jam bekerja dan meningkat dalam kebanyakan subsektor kecuali dua subsektor yang menunjukkan pertumbuhan negatif, iaitu Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (-2.7%) dan Peralatan

pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan (-6.1%). Sektor Perkhidmatan mengekalkan trend menaik, dengan produktiviti buruh per jam bekerja bertambah 0.5 peratus tahun-ke-tahun pada ST1 2025. Pertumbuhan tertinggi dicatatkan dalam subsektor Hartanah & perkhidmatan perniagaan (6.0%) dan subsektor Pengangkutan & penyimpanan (4.3%) **[Jadual 4.1]**.

Jadual 4.1:

Peratus perubahan tahunan produktiviti buruh per jam bekerja, nilai ditambah & jumlah jam bekerja mengikut aktiviti ekonomi, ST1 2025

Aktiviti ekonomi	Produktiviti buruh per jam bekerja	Nilai ditambah	Jumlah jam bekerja
Pertanian	0.1	0.6	0.5
Perlombongan & pengkuarian	-0.9	-2.7	-1.8
Pembuatan	2.8	4.1	1.3
Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan	9.3	9.2	-0.1
Minuman & produk tembakau	7.1	3.1	-3.7
Produk tekstil, pakaian & kulit	2.7	1.1	-1.6
Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan	1.9	3.1	1.2
Produk petroleum, kimia, getah & plastik	0.3	2.6	2.3
Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka	-2.7	3.6	6.4
Produk elektrik, elektronik & optikal	6.6	7.8	1.2
Peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan	-6.1	-8.0	-2.1
Pembinaan	11.3	14.2	2.5
Perkhidmatan	0.5	5.0	4.5
Utiliti	-6.3	-1.2	5.5
Perdagangan borong & runcit	0.6	4.3	3.8
Makanan & minuman dan penginapan	-2.5	6.9	9.7
Pengangkutan & penyimpanan	4.3	9.5	4.9
Maklumat & komunikasi	0.8	3.6	2.7
Kewangan & insurans	-0.4	2.8	3.3
Hartanah & perkhidmatan perniagaan	6.0	9.1	3.0
Perkhidmatan lain	2.8	5.5	2.6
Jumlah	2.4	4.4	3.3


Sumber: Produktiviti Buruh, ST1 2025, DOSM

4.2 Produktiviti Buruh per Pekerja

Dengan peningkatan pasaran buruh Malaysia pada ST1 2025, guna tenaga meningkat sebanyak 3.0 peratus tahun ke tahun untuk mencatatkan jumlah 16.89 juta orang. Dari segi suku tahunan, guna tenaga mencatatkan pertumbuhan sebanyak 0.6 peratus, selepas mengalami peningkatan sebanyak 0.5 peratus pada suku sebelumnya [Carta 4.4].

Carta 4.4:

Guna tenaga, ST1 2022 – ST1 2025



Sumber: Produktiviti Buruh, ST1 2025, DOSM

Pada ST1 2025, guna tenaga berkembang di semua sektor ekonomi, dengan pertumbuhan tertinggi khususnya dalam sektor Pembuatan dan Perkhidmatan. Guna tenaga dalam sektor Perkhidmatan meningkat sebanyak 4.1 peratus untuk mencapai 10.64 juta orang, dengan setiap sub-sektor menunjukkan pertumbuhan berbanding suku sama tahun sebelumnya. Kenaikan yang paling ketara dilihat dalam sub-sektor Makanan & minuman dan penginapan (6.7%), diikuti oleh Utiliti (5.1%) dan Pengangkutan & penyimpanan (4.9%).

Dalam sektor Pembuatan, guna tenaga meningkat sebanyak 1.9 peratus pada ST1 2025 untuk merekodkan 2.87 juta orang. Kesemua sub-sektor mencatatkan pertumbuhan, dengan peningkatan terbesar dilihat dalam sub-sektor Minuman & produk tembakau (3.3%), diikuti oleh Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan (2.7%) Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (2.6%).


Selain itu, guna tenaga dalam sektor Pertanian mencatatkan peningkatan sederhana sebanyak 0.3 peratus, mencapai 1.88 juta orang pada ST1 2025. Sementara itu, sektor Perlombongan & pengkuarian dan Pembinaan masing-masing merekodkan pertumbuhan guna tenaga sebanyak 0.5 peratus dan 0.9 peratus [Carta 4.5].

Carta 4.5:

Peratus perubahan tahunan guna tenaga mengikut sektor ekonomi, ST4 2024 & ST1 2025

ST4 2024 ST1 2025

Peratus perubahan (%)




Sumber: Produktiviti Buruh, ST1 2025, DOSM

Produktiviti buruh yang diukur sebagai nilai ditambah per pekerja terus meningkat 3.0 peratus untuk mencapai RM24,580 per pekerja pada ST1 2025 [Carta 4.6].

Carta 4.6:

Produktiviti buruh per pekerja, ST1 2022 – ST1 2025

Produktiviti buruh per pekerja (RM) Produktiviti buruh per pekerja (Tahun-ke-tahun, %) Guna tenaga (Tahun-ke-tahun, %)



Sumber: Produktiviti Buruh, ST1 2025, DOSM

Mengikut sektor ekonomi, produktiviti buruh per pekerja dalam sektor Perkhidmatan mencatatkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 0.8 peratus pada ST1 2025, disokong oleh prestasi positif dalam kalangan kebanyakan subsektor. Walau bagaimanapun, penyusutan direkodkan dalam subsektor Utiliti (-5.9%) dan subsektor Maklumat & komunikasi (-0.1%).

Dalam pada itu, produktiviti buruh per pekerja dalam sektor Pembuatan meningkat sebanyak 2.2 peratus tahun ke tahun pada ST1 2025 berbanding peningkatan 2.8 peratus pada suku sebelumnya. Antara pertumbuhan tertinggi dalam sektor ini dicatatkan oleh subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal (6.4%) serta Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan proses makanan (6.3%).

Sektor Pembinaan mengekalkan momentum positif dengan mencatatkan peningkatan yang ketara sebanyak 13.2 peratus dalam produktiviti buruh per pekerja. Sektor Pertanian juga mencatatkan peningkatan sederhana sebanyak 0.3 peratus, pulih dari penyusutan 1.9 peratus pada suku tahun sebelumnya. Sebaliknya, sektor Perlombongan dan pengkuarian mengalami penyusutan dalam produktiviti buruh per pekerja, menurun sebanyak 3.2 peratus pada ST1 2025 **[Jadual 4.2]**.

Jadual 4.2:
Peratus perubahan tahunan produktiviti buruh per pekerja, nilai ditambah & guna tenaga mengikut aktiviti ekonomi, ST1 2025

Aktiviti ekonomi	Produktiviti buruh per pekerja	Nilai ditambah	Guna tenaga
Pertanian	0.3	0.6	0.3
Perlombongan & pengkuarian	-3.2	-2.7	0.5
Pembuatan	2.2	4.1	1.9
Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan	6.3	9.2	2.7
Minuman & produk tembakau	-0.1	3.1	3.3
Produk tekstil, pakaian & kulit	-0.6	1.1	1.7
Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan	1.1	3.1	2.0
Produk petroleum, kimia, getah & plastik	1.0	2.6	1.6
Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka	0.9	3.6	2.6
Produk elektrik, elektronik & optikal	6.4	7.8	1.3
Peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan	-8.8	-8.0	0.9
Pembinaan	13.2	14.2	0.9
Perkhidmatan	0.8	5.0	4.1
Utiliti	-5.9	-1.2	5.1
Perdagangan borong & runcit	0.1	4.3	4.2
Makanan & minuman dan penginapan	0.2	6.9	6.7
Pengangkutan & penyimpanan	4.3	9.5	4.9
Maklumat & komunikasi	-0.1	3.6	3.7
Kewangan & insurans	0.8	2.8	2.0
Hartanah & perkhidmatan perniagaan	5.1	9.1	3.8
Perkhidmatan lain	2.9	5.5	2.4
Jumlah	1.3	4.4	3.0

Sumber: Produktiviti Buruh, ST1 2025, DOSM


5.1 Median Upah Bulanan Pekerja Formal

Berdasarkan Statistik Upah Pekerja yang disusun menggunakan sumber data pentadbiran, bilangan pekerja formal warganegara merekodkan sejumlah 6.83 juta orang pada Disember 2024, yang meningkat sebanyak 2.3 peratus (+156.5 ribu orang) berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Bilangan ini merangkumi 66.0 peratus daripada jumlah pekerja bergaji warganegara dalam kedua-dua sektor swasta dan awam **[Carta 5.1]**.

Carta 5.1:

Pekerja formal warganegara, Oktober 2023 – Disember 2024

■ Pekerja formal warganegara — Tahun-ke-tahun (%)




Sumber: Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST4 2024, DOSM

Pada Disember 2024, median upah bulanan bagi pekerja formal warganegara adalah RM3,045, mencatatkan peningkatan tahunan sebanyak 5.0 peratus pada bulan tersebut (November 2024: RM2,764; Oktober 2024: RM2,764) **[Carta 5.2]**.

Carta 5.2:

Median upah bulanan, Oktober 2023 – Disember 2024

■ Median upah bulanan — Tahun-ke-tahun (%)




Sumber: Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST4 2024, DOSM

Dari segi pecahan mengikut jantina, median upah bulanan bagi lelaki meningkat 3.4 peratus tahun-ke-tahun kepada RM3,045, mewakili 55.2 peratus daripada keseluruhan pekerja formal warganegara pada Disember 2024, atau bersamaan 3.77 juta orang. Sementara itu, perempuan yang merangkumi 44.8 peratus daripada keseluruhan pekerja formal warganegara, mencatatkan peningkatan 5.4 peratus bagi median upah bulanan kepada RM3,000.

Pada masa yang sama, lelaki dan perempuan menunjukkan peningkatan bulan-ke-bulan, dengan kedua-dua nilai median masing-masing meningkat sebanyak 9.2 peratus dan 11.1 peratus berbanding November 2024. Perbandingan upah mengikut jantina, pekerja formal lelaki secara konsisten merekodkan median yang lebih tinggi berbanding pekerja perempuan. Pada Disember 2024, lelaki menerima 1.0 peratus median upah lebih tinggi berbanding median upah bulanan yang diterima oleh pekerja formal perempuan **[Carta 5.3]**.

Carta 5.3:
Median & peratus perubahan tahunan upah bulanan dan peratus sumbangan pekerja formal warganegara mengikut jantina, Disember 2024

■ Median upah bulanan ● Tahun-ke-tahun (%) ■ Pekerja formal warganegara



Sumber: Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST4 2024, DOSM


Pekerja formal warganegara berumur antara 45 dan 49 tahun merekodkan median upah bulanan tertinggi, iaitu RM4,082 pada Disember 2024. Kumpulan ini merangkumi 8.9 peratus daripada jumlah pekerja formal warganegara. Sementara itu, kumpulan umur bawah 20 tahun mencatatkan median upah bulanan paling rendah dengan RM1,527. Pola ini selari dengan bulan-bulan sebelumnya, menunjukkan taburan upah bagi pekerja formal dipengaruhi oleh kumpulan umur yang berkait rapat dengan tahap pendidikan dan juga pengalaman bekerja.

Pada Disember 2024, median upah bulanan pekerja formal warganegara bagi semua kumpulan umur mencatatkan pertumbuhan positif. Peningkatan paling ketara dapat diperhatikan dalam kalangan pekerja berumur 50-54 tahun yang mencatatkan peningkatan sebanyak 7.2 peratus **[Carta 5.4]**.

Carta 5.4:

Median & peratus perubahan tahunan upah bulanan dan peratus sumbangan pekerja formal warganegara mengikut kumpulan umur, Disember 2024

■ Median upah bulanan ● Tahun-ke-tahun (%) ■ Pekerja formal warganegara



Sumber: Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST4 2024, DOSM

Dari segi aktiviti ekonomi, median upah bulanan menunjukkan pertumbuhan positif bagi kesemua lima sektor utama pada Disember 2024 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Sektor Perlombongan & pengkuarian terus merekodkan median tertinggi pada RM7,500, yang mencatatkan peningkatan 9.6 peratus berbanding Disember 2023 walaupun hanya menyumbang 0.6 peratus daripada jumlah pekerja formal warganegara.

Sementara itu, sektor Pembuatan mencatatkan median upah bulanan kedua tertinggi RM3,300 pada bulan tersebut, menunjukkan peningkatan 3.1 peratus tahun-ke-tahun. Subsektor Minuman & produk tembakau merekodkan median upah bulanan tertinggi, mencatatkan kenaikan 3.7 peratus kepada RM4,282 pada bulan tersebut.

Sebagai penyumbang utama kepada ekonomi, pekerja formal warganegara dalam sektor Perkhidmatan menyumbang lebih daripada dua pertiga (67.7%), bersamaan 4.63 juta orang. Pekerja formal ini menerima median upah bulanan RM3,000 pada Disember 2024, dengan kenaikan 7.1 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Bagi subsektor Perkhidmatan, Kewangan & Insurans mencatatkan gaji median tertinggi sebanyak RM6,500, diikuti oleh Maklumat & Komunikasi sebanyak RM5,600 dan Utiliti serta Pengangkutan dan Penyimpanan mempunyai gaji median yang sama iaitu sebanyak RM3,164. Sebaliknya, subsektor lain mencatatkan gaji median di bawah RM3,100, dengan yang terendah dicatatkan dalam subsektor Makanan & Minuman serta Penginapan pada RM2,000. Namun, subsektor ini menunjukkan pertumbuhan gaji tahunan yang ketara, dengan peningkatan sebanyak 5.3 peratus pada Disember 2024.

Pada bulan yang sama, median upah bulanan bagi pekerja formal warganegara dalam sektor Pembinaan meningkat 6.6 peratus tahun-ke-tahun kepada RM3,000. Dalam lima sektor utama, sektor Pertanian mencatatkan gaji median bulanan terendah sebanyak RM2,382 pada Disember 2024. Sektor ini menyaksikan peningkatan sebanyak 3.6 peratus dalam gaji median berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya [Jadual 5.1].

Jadual 5.1:
Median & peratus perubahan tahunan upah bulanan dan peratus sumbangan pekerja formal warganegara mengikut aktiviti ekonomi, Disember 2024


Aktiviti ekonomi	Upah Bulanan		Pekerja formal
	Median (RM)	Peratus perubahan (Tahun-ke-tahun, %)	Peratus sumbangan (%)
Pertanian	2,382	3.6	1.9
Perlombongan & pengkuarian	7,500	9.6	0.6
Pembuatan	3,300	3.1	17.8
Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan	2,500	2.2	2.6
Minuman & produk tembakau	4,282	3.7	0.2
Produk tekstil, pakaian & kulit	2,227	6.1	0.4
Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan	2,664	6.5	1.4
Produk petroleum, kimia, getah & plastik	3,409	3.9	2.9
Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka	2,982	3.5	2.2
Produk elektrik, elektronik & optikal	4,100	6.1	4.9
Peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan	3,200	1.7	3.3
Pembinaan	3,000	6.6	6.3
Perkhidmatan	3,000	7.1	67.7
Utiliti	3,164	4.3	1.1
Perdagangan borong & runcit	2,500	4.2	21.2
Makanan & minuman dan penginapan	2,000	5.3	4.4
Pengangkutan & penyimpanan	3,164	5.5	4.4
Maklumat & komunikasi	5,600	5.7	3.2
Kewangan & insurans	6,500	3.2	4.5
Hartanah & perkhidmatan perniagaan	3,045	2.8	12.3
Perkhidmatan lain	2,900	6.3	16.7
Jumlah	3,045	5.0	100.0

Sumber: Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST4 2024, DOSM

Berhubung upah pekerja formal warganegara di peringkat negeri pada Disember 2024, tiga negeri melepasi median upah bulanan peringkat nasional iaitu RM3,045. Negeri dengan median upah bulanan tertinggi adalah W.P Kuala Lumpur sebanyak RM4,200, diikuti Pulau Pinang dan Selangor dengan masing- masing bernilai RM3,382 dan RM 3,300 pada bulan tersebut.

Sebaliknya, pada tempoh yang sama, Sabah, Perlis dan Kelantan merekodkan median upah bulanan terendah, dengan setiap negeri melaporkan nilai masing-masing RM2,000, RM1,764 dan RM1,664 [Carta 5.5].

Carta 5.5:
Median & peratus perubahan tahunan upah bulanan mengikut negeri, Disember 2024



Sumber: Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST4 2024, DOSM

5.2 Taburan Upah Bulanan

Pada Disember 2024, taburan upah menunjukkan seramai 2.0 juta orang atau 29.2 peratus daripada jumlah pekerja formal warganegara memperoleh upah bulanan di bawah RM2,000. Kumpulan ini berkurang 2.0 peratus (-86.2 ribu) berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya, manakala sumbangannya berkurang 2.0 mata peratus daripada 31.2 peratus pada Disember 2023.


Pada tempoh yang sama, hanya 7.1 peratus pekerja formal warganegara menerima upah bulanan dibawa gaji minimum RM1,500. Sementara itu, kira-kira 11.5 peratus pekerja formal warganegara memperoleh gaji bulanan tertinggi sebanyak RM10,000 dan ke atas pada Disember 2024 [Carta 5.6].

Carta 5.6:

Taburan upah bulanan bagi pekerja formal warganegara mengikut skala upah, Disember 2023 & Disember 2024

● Dis 2023 ● Dis 2024

Peratus sumbangan (%)



Skala upah (RM)

Dis-24	2.0	1.5	3.6	22.1	11.1	8.5	8.1	5.8	4.9	3.5	3.3	2.5	2.4	1.8	1.7	1.3	1.5	1.0	1.0	0.8	11.5
Dis-23	2.3	1.7	4.1	23.1	11.2	8.6	8.0	5.7	4.6	3.5	3.3	2.4	2.2	1.7	1.6	1.3	1.4	1.0	1.0	0.7	10.7


Sumber: Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST4 2024, DOSM

Nota:

* Merujuk kepada gaji wajar (Bank Negara Malaysia, 2017), yang diselaraskan dengan kadar inflasi

Berdasarkan analisis persentil, persentil ke-10 pekerja formal warganegara menerima upah bulanan RM1,500 atau kurang. Walau bagaimanapun, kumpulan ini tidak mengalami peningkatan atau penurunan pada Disember 2024 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Pada persentil ke-90, upah bulanan pekerja formal warganegara meningkat 5.9 peratus tahun-ke-tahun, mencecah RM10,800 sebulan. Sehubungan itu, nisbah upah antara kumpulan penerima upah tertinggi (persentil ke-90) dan kumpulan penerima upah terendah (persentil ke-10) menjelaskan bahawa kumpulan penerima upah tertinggi menerima upah bulanan lebih daripada lima kali ganda berbanding dengan kumpulan penerima upah paling rendah [Carta 5.7].

Carta 5.7:
Taburan upah bulanan bagi pekerja formal warganegara mengikut persentil, Disember 2023 & Disember 2024



Sumber: Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST4 2024, DOSM

6 Kepentingan dan Sumbangan TVET kepada Pasaran Buruh Malaysia

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) memainkan peranan penting dalam strategik pembangunan pasaran buruh di Malaysia. Seiring dengan hasrat negara untuk mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi yang didorong oleh inovasi, permintaan terhadap tenaga kerja yang mahir dan adaptif semakin meningkat. TVET berperanan sebagai pemangkin utama dalam memenuhi keperluan semasa dengan menyediakan latihan praktikal yang relevan dengan industri, sejajar dengan keperluan sektor ekonomi utama seperti pembuatan, perkhidmatan digital, logistik, dan teknologi hijau.

Salah satu inisiatif utama TVET adalah merapatkan jurang ketidaksepadanan kemahiran antara sistem pendidikan dan keperluan pekerjaan. Laluan akademik tradisional sering kali gagal membekalkan kemahiran praktikal yang diperlukan oleh industri, manakala lulusan TVET dilatih dengan pengalaman secara langsung menjadikan mereka sedia untuk bekerja. Ini meningkatkan kebolehpasaran dan mengurangkan kos latihan semula oleh majikan, sekali gus mempertingkatkan produktiviti dan kecekapan ekonomi.

TVET juga memainkan peranan penting dalam menangani masalah pengangguran belia. Bagi pelajar lepasan sekolah dan pelajar yang kurang cenderung kepada pembelajaran akademik, TVET menawarkan laluan kerjaya alternatif yang praktikal melalui program jangka pendek berasaskan kemahiran. Dengan melahirkan pekerja mahir dalam bidang permintaan tinggi seperti automotif, kimpalan, teknologi maklumat dan elektronik. TVET mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dan menampung kekurangan tenaga kerja mahir dalam pelbagai sektor.

Selain daripada peluang pekerjaan, TVET menyokong pembangunan tenaga kerja secara berterusan melalui program pemerkasaan semula (*reskilling*) dan peningkatan kemahiran (*upskilling*). Pekerja berkerjaya yang terkesan oleh gangguan teknologi atau automasi boleh dilatih semula dalam bidang seperti literasi digital, tenaga boleh diperbaharui atau pembuatan maju, sekali gus memastikan daya saing dan kelangsungan kerjaya.

Kelebihan TVET adalah keupayaannya untuk menjangkau secara inklusif. Dengan penubuhan pusat latihan di kawasan bandar dan luar bandar, TVET menyediakan akses pendidikan dan peluang pekerjaan yang seimbang kepada semua lapisan masyarakat. Ia mengurangkan penghijrahan ke bandar, menggalakkan pembangunan wilayah, dan memastikan kemajuan sosioekonomi diagihkan secara adil. Ciri inklusif ini turut terserlah dalam sokongan TVET terhadap sektor tidak formal dan ekonomi gig, di mana ramai lulusan TVET menceburi bidang keusahawanan seperti katering, reka bentuk grafik atau perkhidmatan pembaikan—sekali gus merangsang perusahaan mikro dan penciptaan pekerjaan tempatan.

Lebih penting lagi, TVET bersifat proaktif dalam menyediakan tenaga kerja untuk sektor masa hadapan. Dalam ekonomi digital, institusi TVET kini menawarkan pensijilan dalam bidang seperti analitik data, keselamatan siber, dan pengkomputeran awan melalui kerjasama dengan syarikat teknologi seperti

IBM dan Huawei. Ini memastikan graduan bersedia menghadapi pekerjaan era digital dan peluang bekerja sendiri melalui platform bebas. Dalam masa yang sama, TVET menyokong aspirasi ekonomi hijau negara dengan melatih tenaga kerja dalam bidang tenaga boleh diperbaharui, pembinaan lestari, dan pengurusan alam sekitar—sekali gus memperkukuh tenaga kerja ke arah ekonomi rendah karbon dan berdaya tahan iklim.

Disokong oleh dasar nasional seperti Rancangan Malaysia Ke-12 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, TVET bukan sekadar laluan pendidikan alternatif tetapi pemacu utama kepada pembangunan negara. Namun, bagi merealisasikan potensi sepenuhnya, cabaran berterusan seperti struktur tadbir urus yang berpecah, kemudahan latihan yang ketinggalan zaman dan persepsi masyarakat yang kurang memberangsangkan perlu ditangani dengan tuntas.

Kesimpulannya, TVET merupakan tunjang utama kepada strategi pembangunan pasaran buruh Malaysia. Ia melahirkan tenaga kerja yang bersedia menghadapi masa depan, inklusif, dan berdaya saing yang menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan, mengurangkan kadar pengangguran dan memperkukuh daya tahan negara dalam menghadapi perubahan global. Dalam landskap industri dan teknologi yang kian berubah pantas, TVET kekal sebagai laluan penting ke arah masa depan Malaysia yang lebih makmur dan saksama.

7 Kesimpulan

Pada Suku Tahun Pertama 2025, pasaran buruh Malaysia menunjukkan perkembangan yang positif, didorong oleh peningkatan berterusan dalam penawaran dan permintaan tenaga buruh. Peningkatan bilangan guna tenaga yang stabil menyumbang kepada pengurangan dalam bilangan dan kadar pengangguran. Permintaan buruh dalam industri terus kekal kukuh, disokong oleh peningkatan jumlah jawatan yang ditawarkan, terutamanya disebabkan oleh pertambahan ketara dalam bilangan jawatan yang telah diisi. Seiring dengan perkembangan industri, bilangan kekosongan jawatan dan jawatan baharu yang diwujudkan juga menunjukkan peningkatan bagi memenuhi permintaan tenaga kerja. Dari sudut kecekapan pasaran buruh, produktiviti buruh terus menunjukkan peningkatan, dengan nilai ditambah per jam bekerja dan nilai ditambah per pekerja masing-masing mencatatkan peningkatan berbanding pada suku yang sama tahun sebelumnya.

Rangsangan daripada pertumbuhan ekonomi domestik yang berterusan kesan daripada kenaikan gaji serta pelaksanaan dasar kerajaan yang menyokong, pasaran buruh Malaysia mengekalkan prestasi yang kukuh pada suku pertama tahun 2025. Pelaksanaan pelbagai inisiatif kerajaan di bawah Belanjawan 2025 telah memberi kesan yang signifikan terhadap struktur dan daya tahan tenaga buruh negara. Pelaksanaan insentif penggajian bagi golongan rentan seperti Orang Kurang Upaya (OKU) dan bekas banduan melalui Daya Kerjaya 3.0 berjaya membuka ruang penyertaan yang lebih luas dalam kalangan kumpulan marginal, mencerminkan usaha berterusan kerajaan dalam memacu pertumbuhan ekonomi yang inklusif.

Selain itu, seiring dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 dan ekonomi digital, kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memperkasa tenaga kerja dengan kemahiran digital dan teknologi baharu. Salah satu program utama yang dilancarkan ialah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) telah memperuntukkan RM20 juta pada awal tahun 2025 untuk menyediakan latihan kemahiran digital kepada sehingga 5,000 rakyat Malaysia dalam tiga sektor utama iaitu keselamatan siber, sains data, dan kecerdasan buatan (AI). Inisiatif ini dilaksanakan melalui kerjasama antara Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia (HRD Corp), Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), dan syarikat teknologi gergasi India, HCL Technologies bagi menampung permintaan tinggi terhadap pekerja mahir dalam bidang berteknologi. Usaha ini mampu membantu mengurangkan ketidakpadanan kemahiran, memperkukuh daya tahan pasaran buruh dan menyokong pertumbuhan ekonomi digital negara.

Memasuki suku tahun kedua 2025, ekonomi Malaysia terus menunjukkan daya tahan yang memberangsangkan, dipacu oleh aktiviti domestik yang stabil dan sokongan dasar kerajaan yang berterusan. Pertumbuhan dalam sektor-sektor utama seperti pembuatan, perkhidmatan, serta permintaan dalam negeri yang mapan telah menyumbang kepada persekitaran ekonomi yang positif. Selain itu, pelaksanaan pelbagai inisiatif kerajaan termasuk galakan pelaburan dan pembangunan infrastruktur turut memperkukuh keyakinan pasaran. Perkembangan ini dijangka memberi kesan positif kepada pasaran buruh melalui pewujudan

lebih banyak peluang pekerjaan, khususnya dalam bidang berkemahiran tinggi, serta menyokong peningkatan pendapatan rakyat. Walau bagaimanapun, prospek pertumbuhan kekal bergantung kepada kestabilan luaran, termasuk prestasi dagangan global, turun naik harga komoditi, serta faktor geopolitik serantau yang boleh memberi tekanan ke atas aktiviti ekonomi negara.

Artikel

Kepimpinan Wanita di Malaysia: "Trend Perwakilan Jantina dalam Jawatan Pengurusan"

Tengku Norkhairah Tengku Jamil¹; Nur Izzatun Nawa Mohd Pauzi²; Nur Hurriyatul Huda Abdullah Sani³

^{1 2 3} Biro Statistik Buruh Malaysia (MBLS), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Pengenalan

Salah satu perubahan ekonomi yang paling signifikan pada akhir abad kedua puluh ialah peningkatan penglibatan wanita dalam tenaga buruh bergaji. Perubahan ini memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi, mereformasikan hubungan keluarga, mempengaruhi dasar kerajaan dan membentuk semula harapan budaya terhadap peranan gender. Satu refleksi yang jelas tentang situasi ini adalah peningkatan perwakilan wanita dalam jawatan pengurusan, yang berfungsi sebagai indikator penting tentang kesetaraan gender dan kepelbagaian organisasi.

Menurut laporan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), wanita menduduki kira-kira 28.2 peratus daripada peranan pengurusan kanan di seluruh dunia setakat 2023, namun angka ini berbeza dengan ketara merentas industri dan wilayah (*UN Women*, 2023). Walaupun ini mewakili kemajuan yang bermakna berbanding dengan dekad yang lalu, ia masih menunjukkan jurang yang berterusan dalam perwakilan kepimpinan. Penyertaan wanita yang semakin meningkat dalam peranan pengurusan telah terbukti memberikan manfaat yang boleh diukur kepada organisasi dan masyarakat secara keseluruhan. Pasukan kepimpinan yang pelbagai memupuk pelbagai perspektif, yang membawa kepada penyelesaian yang lebih inovatif dan pengambilan keputusan yang lebih baik. Syarikat dengan tahap kepelbagaian jantina yang lebih tinggi sering kali mengatasi rakan-rakan mereka yang kurang pelbagai dalam bidang penting seperti keuntungan, kepuasan pekerja, dan reputasi awam.

Di Malaysia, trend terkini mencerminkan kemajuan secara beransur-ansur. Peratusan wanita dalam jawatan pengurusan meningkat daripada 23.3 peratus pada 2019 kepada 25.4 peratus pada 2023, berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM, 2024). Walaupun terdapat turun naik kecil dalam tempoh ini seperti penurunan pada tahun 2021, keseluruhan trajektori menaik menandakan pergerakan positif, walaupun kadar perubahan kekal sederhana. Sementara itu, (Bank Dunia, 2023) mendapati 26.0 peratus firma di Malaysia mempunyai pengurus atasan wanita, sekali gus mengukuhkan lagi keperluan untuk sokongan dasar dan pembangunan kepimpinan inklusif.

Namun begitu, wanita terus menghadapi halangan struktur dan budaya yang menghalang kemajuan mereka ke dalam peranan kepimpinan, terutamanya di rantau seperti Asia Pasifik dan Timur Tengah. Sebagai contoh, negara seperti Jepun masih melaporkan perwakilan wanita yang rendah dalam pengurusan kanan, sebahagian besarnya disebabkan oleh norma tradisional dan amalan di tempat kerja. Artikel ini bertujuan untuk memberikan gambaran menyeluruh mengenai kepimpinan wanita di Malaysia, dengan fokus kepada perwakilan gender dalam jawatan pengurusan.

Sorotan Kajian

Pelbagai kajian menunjukkan bahawa wanita terus ketinggalan di belakang lelaki dalam bidang-bidang utama seperti pendidikan, kesihatan, pemerkasaan politik, tahap gaji, pendapatan, dan penyertaan dalam tenaga buruh. Ketersediaan peluang untuk kemajuan kerjaya wanita terus terjejas secara negatif oleh stereotaip jantina, yang membentuk tingkah laku pengurusan dan pandangan pekerjaan di tempat kerja dengan harapan patriarki. Di peringkat global, wanita

hanya memegang 29.0 peratus jawatan pengurusan atas (IBR, 2020). Walaupun terdapat banyak dasar untuk meningkatkan kesamarataan gender dalam beberapa dekad kebelakangan ini, diskriminasi yang berakar umbi dalam stereotaip ini tetap menjadi halangan yang signifikan. Stereotaip jantina adalah isu penting yang menghalang kemajuan kerjaya wanita dalam pengurusan. Ketiadaan perwakilan dan penyertaan yang terhad wanita dalam jawatan pengurusan peringkat atas tetap menjadi halangan yang signifikan untuk mencapai kesetaraan gender dalam kepimpinan (Forum Ekonomi Dunia, 2017).

Wanita terus mengalami tahap tekanan yang tinggi dari profesion mereka, dan mereka telah didapati mengalami tahap kesihatan mental yang tinggi ketika mereka menggunakan gaya kepimpinan yang berorientasikan interpersonal dalam industri yang didominasi lelaki (Gardiner & Tiggemann, 1999). Cabaran utama lain untuk kemajuan wanita ke jawatan kepimpinan adalah jangkaan bahawa wanita melaksanakan kebanyakan tugas domestik dan penjagaan kanak-kanak di dalam rumah tangga (*UN Women*, 2020). Bahkan ketika bekerja sepenuh masa, wanita sentiasa mengambil alih tanggungjawab keluarga dalam 'shift kedua', sementara banyak pemimpin lelaki mendapat manfaat daripada pasangan yang dijangka melaksanakan tugas domestik ini (Ferrant et al., 2014). Pilihan penjagaan kanak-kanak alternatif sering kali mahal, menyebabkan beberapa wanita tinggal di rumah atau menarik diri dari komitmen kerja berbayar untuk menjaga anak-anak (Klettner et al., 2016).

Dalam era moden kontemporari, wanita memainkan peranan penting dalam era kemajuan dan memegang jawatan penting hari ini. Pada masa lalu, wanita bertanggungjawab terutamanya untuk pekerjaan di rumah. Namun begitu, disebabkan oleh pendidikan tinggi dan kemajuan sosio-ekonomi, wanita telah menceburi bidang yang lebih jauh untuk membina kerjaya yang mantap (Shanker, 2019). Oleh itu, wanita menyumbang lebih kehadapan berbanding sebelumnya pada penglibatan di pasaran buruh (Wei & Cinn, 2021). Penyertaan wanita dalam tenaga kerja membawa manfaat yang ketara kerana mereka membantu membina budaya kerja yang menginspirasi dengan memupuk persaingan sihat, menggalakkan kerja berpasukan dan jalinan hubungan, sekali gus membantu perniagaan berkembang ke potensi sepenuhnya (Bhardwaj, 2018).

Kini, feminisme adalah satu ideologi yang diperkenalkan di seluruh dunia yang menegaskan bahawa perempuan seharusnya dilayan sama rata seperti lelaki, terutamanya dalam peluang pekerjaan untuk membangunkan kesaksamaan gender dan mengurangkan stereotaip gender (Hoffman, 2001). Dengan kata lain, penyertaan wanita dalam buruh adalah kriteria penting untuk menentukan status sosial mereka dan meningkatkan taraf hidup serta kesejahteraan ekonomi. Namun, di beberapa kawasan di dunia, wanita lebih cenderung untuk menjadi dan berterusan menganggur berbanding lelaki (Endow & Dutta, 2022).

Sumber Data

Kajian ini menggunakan statistik siri masa rasmi yang disusun oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), iaitu Survei Tenaga Buruh, Statistik Gaji & Upah dan Statistik Guna Tenaga berdasarkan ketersediaan data dari 2016 hingga 2023. Statistik rasmi untuk capaian umum yang diterbitkan oleh DOSM telah digunakan sementara beberapa statistik telah dikira oleh penulis berdasarkan sumber data asal.


Di samping itu, penulis melaksanakan sorotan kajian berdasarkan artikel, jurnal, laporan dan kertas kerja dari laman sesawang yang mendokumenkan maklumat untuk sebaran. Sumber-sumber ini dianggap sebagai data sekunder.

Penemuan

Pasaran buruh Malaysia kekal dalam momentum positif pada tahun 2023, dengan pertumbuhan yang ketara dalam statistik penduduk bekerja. Walaupun kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai usaha yang signifikan untuk meningkatkan penduduk bekerja wanita, namun masih terdapat halangan untuk mencapai kesetaraan jantina di tempat kerja. Pada tahun 2023, kadar penyertaan tenaga buruh wanita Malaysia adalah pada 56.2 peratus, menjadikannya antara yang terendah di ASEAN. Pada tahun 2022, negara jiran seperti Vietnam mempunyai kadar 62.4 peratus wanita yang terlibat dalam pekerjaan, manakala Singapura mencatatkan kadar 63.4 peratus dan Thailand pada 60.3 peratus [Carta 1].

Carta 1:

Kadar penyertaan tenaga buruh di ASEAN mengikut jantina, 2022




Sumber: ASEAN Sekreteriat

Nota: Data merujuk kepada permaustautin Singapura Sahaja

Di Malaysia, penduduk bekerja lelaki menyumbang 62.3 peratus, manakala penduduk bekerja perempuan hanya 37.7 peratus pada tahun 2023. Walaupun wanita di Malaysia kini diwakili oleh kebanyakan graduan berpendidikan tinggi, pencapaian ini tidak diterjemahkan kepada penyertaan yang sama dalam pekerjaan atau peranan kepimpinan. Kadar penyertaan tenaga buruh untuk lelaki kekal lebih tinggi dengan ketara pada 82.3 peratus, melebarkan jurang jantina dalam penglibatan guna tenaga [Carta 2].

Carta 2:


Sumbangan peratusan penduduk bekerja mengikut jantina di Malaysia, 2016 - 2023

Sumber: Survei Tenaga Buruh, DOSM


Di kebanyakan wilayah, wanita telah mengatasi lelaki dari segi pencapaian pendidikan, terutamanya di peringkat pengajian tinggi. Walau bagaimanapun, kemajuan dalam pendidikan ini tidak dicerminkan oleh kemampuan yang setara dalam pasaran buruh. Faktor utama yang menyumbang kepada ketidakseimbangan ini ialah kurang perwakilan wanita dalam jawatan formal dan pengurusan, serta perwakilan wanita yang tinggi dalam kerja sambilan dan tidak formal, sering didorong oleh tanggungjawab menjaga keluarga. Ia amat ketara dalam kalangan wanita yang sudah berkahwin, yang lebih cenderung untuk menarik diri atau berada di luar tenaga buruh kerana tugas dan tanggungjawab keluarga.

Dari segi geografi, data menunjukkan kawasan bandar menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada wanita berbanding kawasan luar bandar. Pada tahun 2023, kira-kira 5.13 juta wanita telah bekerja di persekitaran bandar berbanding 0.83 juta di kawasan luar bandar. Kawasan bandar menyumbang 86.0 peratus penduduk bekerja wanita, mencerminkan ketersediaan pekerjaan yang lebih tinggi dan perkhidmatan sokongan institusi yang lebih besar seperti penjagaan anak dan pengaturan kerja yang fleksibel [Carta 3 & Carta 4].

Carta 3:

Penduduk bekerja di bandar mengikut jantina, 2019 - 2023


Carta 4:

Penduduk bekerja di luar bandar mengikut jantina, 2019 -2023


Sumber: Survei Tenaga Buruh, DOSM

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kemajuan telah dicapai ke arah kepelbagaian jantina dalam peranan kepimpinan. Terutamanya, sumbangan wanita dalam jawatan pengurusan meningkat kepada 25.4 peratus pada 2023 mencatatkan 193.4 juta orang, meningkat daripada 23.8 peratus pada 2022. Arah aliran menaik ini mencerminkan peningkatan kesedaran dan usaha untuk menggalakkan kesaksamaan jantina di tempat kerja. Walau bagaimanapun, di sebalik keuntungan ini, wanita masih kurang diwakili di peringkat pengurusan yang lebih tinggi, menunjukkan keperluan untuk sokongan dasar yang berterusan, amalan pengambilan pekerja yang inklusif dan program pembangunan kepimpinan yang disesuaikan untuk wanita [Carta 5 & Carta 6].

Carta 5:
Peratus sumbangan penduduk bekerja mengikut pekerjaan dan jantina, 2022



Carta 6:
Peratus sumbangan penduduk bekerja mengikut pekerjaan dan jantina, 2023



Sumber: Survei Tenaga Buruh, DOSM

World Economic Forum (WEF) telah memperkenalkan *Global Gender Gap Index (GGGI)* pada tahun 2006 sebagai rangka kerja penanda aras untuk mengukur jurang perbezaan berasaskan jantina merentas negara. Indeks ini mengukur jurang relatif antara wanita dan lelaki dalam empat sub-indeks: Penyertaan ekonomi dan peluang; Pencapaian pendidikan; Kesihatan dan kelangsungan hidup; dan pemerkasaan Politik. Tidak seperti indeks yang menumpukan pada tahap pembangunan, GGGI direka untuk menangkap tahap ketidaksamaan berasaskan jantina, tanpa mengira prestasi mutlak sesebuah negara. Skor ber julat dari 0 hingga 1, di mana skor 1.000 menandakan pariti jantina lengkap, dan 0.000 menunjukkan perbezaan mutlak antara jantina.

Menurut Laporan Jurang Gender Global 2024 yang dikeluarkan oleh WEF, Malaysia menduduki tempat ke-114 daripada 146 negara, dengan skor 0.668, menunjukkan ruang yang besar untuk penambahbaikan dalam mencapai pariti jantina. Di rantau Asia Timur dan Pasifik, Malaysia berada di tempat ke-16 daripada 18 negara, menekankan perbezaan serantau dalam usaha kesaksamaan jantina. Sebagai perbandingan, skor Indeks Jurang Jantina Malaysia (MGGI) berada pada 0.705, meletakkan negara di tempat ke-86 di peringkat global dan ke-8 dalam kalangan negara Asia Timur dan

Pasifik. Kedudukan ini menyerlahkan kemajuan sederhana Malaysia dalam mengecilkan jurang jantina tetapi juga mengukuhkan keperluan untuk keterlibatan dasar yang disasarkan untuk meningkatkan hasil, terutamanya dalam bidang seperti penyertaan ekonomi dan pemerkasaan politik [Jadual 1].

Jadual 1:
Indeks Jurang Gender, Malaysia, 2023

Sub-indeks	DOSM	WEF
Penyertaan ekonomi dan peluang	0.698	0.634
Pencapaian pendidikan	1.071	1.000
Kesihatan dan kelangsungan hidup	0.956	0.969
Pemeriksaan Politik	0.096	0.068
Malaysia Gender Gap Index (MGGI) Score	0.705	0.668

Sumber: Laporan Jurang Gender Global, 2024

Artikel ini memberi tumpuan kepada komposisi penduduk bekerja wanita dalam jawatan pengurusan, penunjuk utama di bawah sub-indeks Penyertaan Ekonomi dan Peluang MGGI. Secara khusus, ia menekankan penunjuk “Penggubal undang-undang, pegawai kanan dan pengurus”, yang juga mencerminkan bukan sahaja perwakilan wanita dalam kepimpinan korporat tetapi juga perwakilan mereka dalam peranan kepimpinan politik dan kehakiman. Dalam konteks Malaysia, penunjuk ini menyerlahkan kemajuan yang menggalakkan dan jurang perbezaan yang berterusan. Walaupun bilangan wanita dalam jawatan kepimpinan telah meningkat secara beransur-ansur sejak beberapa tahun kebelakangan ini, perwakilan keseluruhan mereka kekal jauh lebih rendah daripada lelaki. Ketidakeimbangan ini menunjukkan halangan struktur dan budaya yang berkekalan yang terus mengehadkan kemajuan wanita ke dalam peranan pengurusan kanan. Menangani cabaran ini memerlukan keterlibatan yang menyeluruh, termasuk dasar kesaksamaan jantina yang mantap, amalan korporat yang menyokong kemajuan kerjaya wanita, dan inisiatif untuk membentuk semula persepsi tradisional tentang peranan jantina di tempat kerja. Memperkukuh penyertaan wanita dalam jawatan pengurusan bukan sahaja penting untuk mencapai kesetaraan jantina tetapi juga memainkan peranan penting dalam memacu inovasi, meningkatkan prestasi organisasi, dan memupuk pertumbuhan ekonomi yang inklusif.

Perwakilan wanita dalam peranan kepimpinan politik di Malaysia kekal jauh lebih rendah daripada lelaki. Pada 2023, sumbangan wanita yang dipilih sebagai Senator meningkat sedikit daripada 14.8 peratus kepada 16.1 peratus berbanding tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, sumbangan wanita dalam Dewan Rakyat kekal tidak berubah pada 13.5 peratus pada kedua-dua 2022 dan 2023. Sementara itu, sumbangan wanita dilantik sebagai Menteri Kabinet menurun kepada 16.1 peratus, manakala peratusan Timbalan Menteri menurun kepada 27.6 peratus. Angka-angka


ini mencerminkan ketidakseimbangan jantina yang berterusan dalam perwakilan politik dan menekankan keperluan untuk usaha berterusan bagi menggalakkan penyertaan wanita dalam membuat keputusan di peringkat tertinggi kerajaan [Carta 7 & Carta 8].

Carta 7:

Peratusan ahli parlimen dan anggota pentadbiran mengikut jantina, Malaysia, 2022

Carta 8:

Peratusan ahli parlimen dan anggota pentadbiran mengikut jantina, Malaysia, 2023




Sumber: Parlimen Malaysia

Peratusan hakim wanita dalam badan kehakiman Malaysia pada tahun 2023 meningkat sebanyak 2.6 mata peratus daripada 37.3 peratus kepada 39.9 peratus berbanding tahun 2022. Sebaliknya, peratusan hakim lelaki menurun sebanyak 2.6 mata peratus daripada 62.7 peratus (2022) kepada 60.1 peratus (2023) [Carta 9].

Carta 9:

Bilangan dan peratusan hakim di Badan Kehakiman mengikut jawatan dan jantina, Malaysia, 2021–2023




Sumber: Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman

Begitu juga dalam peratusan hakim di Kehakiman Syariah mengikut jawatan dan jantina Malaysia pada tahun 2023 meningkat sebanyak 4.0 mata peratus daripada 17.2 peratus kepada 21.2 peratus berbanding tahun 2022 bagi hakim perempuan. Sebaliknya, peratusan hakim lelaki menurun sebanyak 4.0 mata peratus daripada 82.8 peratus (2022) kepada 78.8 peratus (2023) [Carta 10].

Carta 10:

Bilangan dan peratusan hakim di Kehakiman Syariah mengikut jawatan dan jantina, Malaysia, 2021 - 2023



Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Wanita lebih cenderung berada dalam peranan pengurusan di fungsi-fungsi yang feminis, seperti sumber manusia dan pentadbiran, dan dalam sektor-sektor yang lebih feminis, seperti kesihatan, kerja sosial, dan pendidikan berbanding dengan industri yang secara tradisional didominasi oleh lelaki seperti perlombongan dan pembinaan. Merujuk kepada industri di Malaysia, tidak mengejutkan, wanita terus tertumpu di dalam peranan yang secara tradisinya didominasi oleh wanita di pelbagai sektor dan pekerjaan. Contohnya, bidang seperti kejururawatan dan penjagaan kanak-kanak masih didominasi oleh wanita, dengan wanita mewakili lebih daripada 60.0 peratus tenaga kerja. Peranan pengajaran dan pendidikan juga menunjukkan kehadiran wanita yang kuat, terutama dalam pendidikan sekolah rendah dan pendidikan awal kanak-kanak. Begitu juga, wanita lebih banyak diwakili dalam pekerjaan asas seperti memasak dan pembersihan, serta dalam jawatan pemastautin dan pustakawan. Sumbangan wanita dalam jawatan pengurusan adalah lebih tinggi di sektor awam berbanding di sektor swasta (ILO, 2020) [Jadual 2].

Jadual 2:

Penduduk bekerja mengikut jantina dan industri, Malaysia 2022 & 2023


Industri	2022				2023			
	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Peratus Wanita	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Peratus Wanita
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1,160.80	247.3	1,408.10	16.8%	1,195.90	241.6	1437.5	16.8%
Perlombongan dan pengkuarian	53.3	30.9	84.20	33.4%	59.1	29.7	88.8	33.4%
Pembuatan	1,656.70	850.6	2,507.30	34.4%	1,704.60	893.2	2597.8	34.4%
Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	73.3	5.5	78.80	9.3%	73.9	7.6	81.5	9.3%
Bekalan air, pembentukan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	65.8	19.3	85.10	20.1%	68.2	17.2	85.4	20.1%
Pembinaan	1,100.00	145.4	1,245.40	12.2%	1,127.60	156.9	1284.5	12.2%
Perdagangan borong dan runcit; pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	1,607.60	1,233.00	2,840.60	43.4%	1,693.90	1,297.60	2991.5	43.4%
Pengangkutan dan penyimpanan	552.3	154.9	707.20	20.9%	581.4	153.9	735.3	20.9%
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	743.4	739.3	1,482.70	48.8%	815.5	777.3	1592.8	48.8%
Maklumat dan komunikasi	168.1	84.6	252.70	32.1%	182.1	86.0	268.1	32.1%
Aktiviti kewangan dan insurans/takaful	196.9	213.5	410.40	52.0%	208.2	226	434.2	52.0%
Aktiviti hartanah	53.8	36.6	90.40	38.6%	57.0	35.8	92.8	38.6%
Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	195.7	184.3	380.00	45.6%	212.5	177.8	390.3	45.6%
Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	499.6	334.7	834.30	38.8%	542.1	344.3	886.4	38.8%
Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib	542.4	241.2	783.60	29.3%	563.3	233.8	797.1	29.3%
Pendidikan	317.0	627.5	944.50	65.5%	341.2	648.4	989.6	65.5%
Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	224.4	371.7	596.10	64.3%	223.9	402.4	626.3	64.3%
Kesenian, hiburan dan rekreasi	30.5	40.3	70.80	45.9%	39.2	33.3	72.5	45.9%

Sumber: Survei Tenaga Buruh, DOSM

Dalam tempoh tiga tahun, jumlah keseluruhan penjawat awam Pengurusan Tertinggi (Gred Jusa C dan ke atas) lelaki dan perempuan menunjukkan peningkatan secara beransur-ansur. Lelaki secara konsisten mengatasi wanita dalam perkhidmatan awam Pengurusan Tertinggi (Gred Jusa C dan ke atas). Walau bagaimanapun, jurang itu mengecil sedikit sepanjang tahun. Bilangan penjawat awam lelaki meningkat daripada 2,488 ribu orang pada 2021 kepada 2,560 ribu orang pada 2023, manakala penjawat awam wanita Pengurusan Tertinggi (Gred Jusa C dan ke atas) meningkat daripada 1,574 ribu orang kepada 1,628 ribu orang dalam tempoh yang sama. Walaupun lelaki secara konsisten mengatasi bilangan wanita dalam tenaga kerja perkhidmatan awam Pengurusan Tertinggi (Gred Jusa C dan ke atas), jurang antara kedua-dua kumpulan telah mengecil sedikit. Trend ini menunjukkan pergerakan yang perlahan tetapi stabil ke arah keseimbangan jantina yang lebih besar dalam pekerjaan sektor awam Malaysia **[Carta 11]**.

Carta 11:

Bilangan penjawat awam Pengurusan Tertinggi (Gred Jusa C dan ke atas) perkhidmatan dan jantina, Malaysia, 2021 - 2023




Sumber: Jabatan Perkhidmatan Awam

Data menunjukkan bahawa lelaki terus mendominasi peranan kepimpinan di sekolah di seluruh Malaysia, terutamanya di sekolah menengah dan berasrama. Pada tahun 2023, perwakilan lelaki adalah tertinggi dalam kalangan pengetua sekolah menengah sebanyak 63.5 peratus, manakala perwakilan perempuan berada pada 36.5 peratus, menunjukkan jurang jantina sebanyak 27.0 mata peratus. Walaupun terdapat sedikit peningkatan dalam perwakilan wanita dalam kalangan pengetua sekolah berasrama daripada 39.1 peratus pada 2022 kepada 39.7 peratus pada 2023, jurang itu kekal ketara pada lebih 20.0 mata peratus. Di sekolah rendah, taburan jantina kekal hampir tidak berubah, dengan lelaki terdiri daripada 59.5 peratus dan perempuan 40.5 peratus pada tahun 2023. Secara keseluruhan, jurang jantina dalam peranan kepimpinan pendidikan berterusan, menunjukkan hanya peningkatan minimum tahun ke tahun, terutamanya dalam jenis sekolah yang lebih senior atau khusus **[Carta 12 & Carta 13]**.


Carta 12:

Peratus sumbangan pembuat keputusan di sektor pendidikan mengikut jawatan dan jantina, 2022



Carta 13:

Peratus sumbangan pembuat keputusan di sektor pendidikan mengikut jawatan dan jantina, 2023



Sumber: Statistik Pemerkasaan Wanita Dalam Domain Terpilih, DOSM

Jurang gaji median jantina terbesar direkodkan pada 2022 pada 20.0 peratus, sebelum mengecil sedikit kepada 17.2 peratus pada 2023. Sepanjang tempoh ini, jurang gaji purata secara konsisten kekal lebih tinggi daripada median, menunjukkan bahawa pekerja lelaki berpendapatan tinggi terus mempengaruhi tahap pendapatan purata secara tidak seimbang. Walaupun pengurangan dalam jurang median mencerminkan kemajuan yang sederhana, jurang gaji purata yang berterusan melebihi 20.0 peratus menggariskan ketidaksamaan struktur yang berterusan dalam pendapatan antara lelaki dan wanita [Jadual 3].

Jadual 3:

Gaji Penengah dan Purata Pengurus mengikut Jenis Pendapatan dan Jantina, Malaysia 2021-2023

Tahun	Jenis Pendapatan	Lelaki	Perempuan	Jurang (Nilai)	Jurang (%)
2021	Penengah	5,982	4,948	1,034	17.3%
	Purata	6,889	5,353	1,536	22.3%
2022	Penengah	5,871	4,695	1,176	20.0%
	Purata	6,789	5,256	1,533	22.6%
2023	Penengah	6,096	5,044	1,052	17.2%
	Purata	7,080	5,658	1,422	20.1%

Sumber: Laporan Survei Gaji & Upah, DOSM

Bagi mempercepat kemajuan ke arah kesaksamaan jantina dalam jawatan pengurusan, beberapa intervensi khusus perlu dipertimbangkan. Pengukuhan program bimbingan dan penajaan (*mentorship dan sponsorship*) untuk wanita boleh membantu meningkatkan keyakinan, memperkukuh keupayaan kepimpinan, dan memperluas rangkaian profesional. Akses kepada perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang mampu milik serta penambahbaikan dasar cuti ibu bapa, terutamanya melalui pelaksanaan cuti paterniti yang lebih saksama, akan menyokong keseimbangan kerja dan kehidupan serta mengurangkan beban penjagaan yang tidak seimbang ke atas wanita. Di samping itu, pengenalan keperluan pelaporan jantina oleh syarikat dapat meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti, mendorong organisasi menetapkan sasaran kepelbagaian yang boleh diukur dan memantau kemajuan dari semasa ke semasa.

Kerajaan Malaysia telah melaksanakan beberapa langkah penting yang selari dengan cadangan dasar ini. Melalui inisiatif seperti *Women Empowerment Month* (WEM) dan *Gender Action Lab* (GAL) oleh *TalentCorp*, program kepimpinan dan bimbingan telah diperluas. Dari segi penjagaan anak, Belanjawan 2024 telah meningkatkan pelepasan cukai untuk yuran penjagaan anak, dan usaha sedang dijalankan bagi menyokong penubuhan pusat penjagaan anak di tempat kerja. Pindaan kepada Akta Kerja 1955 pula telah memperkenalkan cuti ibu bapa yang lebih inklusif serta pilihan kerja fleksibel. Tambahan pula, reformasi peraturan terkini mewajibkan syarikat tersenarai awam melantik sekurang-kurangnya seorang pengarah wanita dan mendedahkan dasar kepelbagaian dalam laporan tahunan. Usaha yang saling melengkapi termasuk inisiatif pemindahan caruman i-Sayang KWSP, Tabung Kasih Rahmah Wanita, dan program pembiayaan mikro seperti *BR Plus – i BizLady* dan *MySMELady 2.0* yang semuanya memperkukuh penyertaan serta keselamatan wanita dalam tenaga kerja.

Kesimpulan

Kepimpinan wanita di Malaysia telah menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan dalam beberapa tahun kebelakangan ini, mencerminkan pengiktirafan yang semakin meningkat terhadap kepentingan kepelbagaian jantina. Walau bagaimanapun, masih terdapat halangan yang ketara seperti ketidaksempurnaan struktur, akses terhad kepada pembangunan kepimpinan, dan norma jantina yang berterusan yang menghadkan penyertaan sepenuhnya wanita dalam peranan kepimpinan. Bagi mencapai kesaksamaan jantina, Malaysia perlu memperkukuh dasar yang responsif jantina, menguatkuasakan akauntabiliti korporat, dan memupuk perubahan sosial yang menyokong wanita dalam kepimpinan. Membuka ruang potensi ekonomi dan sosial wanita dalam kepimpinan bukan sahaja suatu bentuk keadilan, tetapi juga penting untuk kemajuan negara. Kerajaan Malaysia telah menetapkan sasaran sebanyak 30.0 peratus perwakilan wanita dalam jawatan membuat keputusan, selaras dengan Dasar Sekurang-kurangnya 30.0 Peratus Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan dalam Sektor Awam yang telah diguna pakai sejak Ogos 2004. Usaha berterusan amat diperlukan untuk mencapai dan melepasi penanda aras ini.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Pengakuan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih yang tulus kepada semua yang memberikan bimbingan dan bantuan pakar sepanjang proses berlangsung. Kami juga amat menghargai rakan-rakan kami di Biro Statistik Buruh Malaysia (MBLS) atas sumbangan berharga mereka dalam menyediakan dan meningkatkan kualiti artikel ini.

Rujukan

- Bardasi E, Sabarwal S, Terrell K. How do female entrepreneurs perform? Evidence from three developing regions. *Small Business Economics*. 2011; 37(4): 417–441. Diambil dari <https://doi.org/10.1007/s11187-011-9374-z>. 12.AllisonL.,LiuT.,M
- Bhardwaj, R. (2018). *The impact of women in the workforce*. *International Journal of Management Studies*, 5(4), 112–118.
- Endow, T., & Dutta, R. (2022). *Gender inequality in employment: A global perspective*. *Journal of Labor and Development Studies*, 9(3), 202–218.
- Ferrant, G., Pesando, L. M., & Nowacka, K. (2014). *Unpaid Care Work: The missing link in the analysis of gender gaps in labour outcomes*. OECD Development Centre.
- Gardiner, M., & Tiggemann, M. (1999). *Gender differences in leadership style, job stress and mental health in male and female dominated industries*. *Journal of Occupational and Organizational Psychology*, 72(3), 301–315.
- Hoffman, L. W. (2001). *The influence of feminism on modern workplace policies*. *Gender Issues*, 19(2), 5–15.
- IBR. (2020). *Women in business 2020: Putting the blueprint into action* (pp. 1–7). Grant Thornton. Diambil dari https://www.grantthornton.global/globalassets/1.memberfirms/global/insights/women-in-business/2020/women-inbusiness-2020_report.pdf
- Klettner, A., Clarke, T., & Boersma, M. (2016). *Strategic and regulatory approaches to increasing women in leadership: Multilevel targets and mandatory quotas as levers for cultural change*. *Journal of Business Ethics*, 133, 395–419.
- Shanker, D. (2019). *Gender equality in education and employment: The journey of women in India*. *International Journal of Research and Analytical Reviews*, 6(2), 256–261.
- Statistics On Women Empowerment in Selected Domains, Department of Statistics Malaysia. (n.d.). Diambil dari <https://open.dosm.gov.my>.
- The World Bank. (2023). *Malaysia gender data portal*. Diambil dari <https://genderdata.worldbank.org>
- UN Women (Ed.). (2020). *Why addressing women's income and time poverty matters for sustainable development*. United Nations.
- Wei, S., & Cinn, Y. (2021). *Women in the labour market: Trends and challenges*. *Journal of Employment and Social Issues*, 8(1), 45–57.

Women, U. Nations. (2023). *Progress on the Sustainable Development Goals*. United Nations Research Institute for Social Development.

World Economic Forum. (2017). *Global gender gap report 2017*. Retrieved, 10 March 2019.
Diambil dari http://www3.weforum.org/docs/WEF_GGGR_2017.pdf

ST1

JADUAL STATISTIK

2025

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Jadual A: Penawaran Buruh, Malaysia, ST2 2022 - ST1 2025

1. Profil Kadar Penyertaan Tenaga Buruh

Indikator	Unit	2022			2023				2024				2025
		ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1 ^r	ST2 ^r	ST3 ^r	ST4 ^r	ST1
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	69.2	69.4	69.5	69.8	70.0	70.1	70.1	70.5	70.7	70.6	70.6	70.7
Jantina													
Lelaki	(%)	81.8	82.1	82.3	82.6	82.8	83.0	83.0	83.0	83.2	83.2	83.2	83.2
Perempuan	(%)	55.8	55.8	55.9	56.1	56.2	56.3	56.3	56.3	56.3	56.3	56.3	56.3
Kumpulan umur													
15-24	(%)	45.4	45.7	45.7	46.5	46.1	46.3	46.6	46.5	46.9	47.0	47.5	47.8
25-34	(%)	87.9	87.1	86.9	87.3	88.1	88.5	87.6	87.3	87.3	87.0	86.4	86.2
35-44	(%)	84.6	85.2	86.8	86.2	86.0	85.2	85.1	85.0	85.8	85.7	85.0	84.5
45-54	(%)	75.5	75.1	73.9	76.2	76.0	76.4	77.9	78.1	77.5	75.6	75.7	76.0
55-64	(%)	44.2	46.3	46.3	44.2	45.6	45.8	46.0	46.5	46.4	48.9	50.4	51.6
Jantina dan Kumpulan umur													
Lelaki	(%)	81.8	82.1	82.3	82.6	82.8	83.0	83.0	83.0	83.2	83.2	83.2	83.2
15-24	(%)	56.7	56.7	58.4	60.5	58.8	58.5	58.5	57.8	59.2	61.4	60.8	51.5
25-34	(%)	95.8	94.7	95.3	94.0	96.2	96.8	96.8	93.8	95.9	95.5	94.3	96.1
35-44	(%)	95.3	97.7	96.6	97.7	97.9	98.1	98.5	97.3	92.0	94.9	95.4	97.0
45-54	(%)	95.3	95.1	93.8	95.4	93.4	95.2	95.9	95.6	95.8	91.3	91.8	96.3
55-64	(%)	64.2	65.7	65.0	62.5	65.4	63.0	62.0	66.9	71.5	67.6	69.1	76.7
Perempuan	(%)	55.8	55.8	55.9	56.1	56.2	56.3	56.3	56.3	56.3	56.3	56.3	56.3
15-24	(%)	33.0	33.7	31.7	31.1	32.1	32.9	33.5	33.5	32.5	30.3	32.0	43.4
25-34	(%)	79.1	78.6	77.5	79.7	79.1	79.1	77.2	79.2	76.6	76.4	76.4	73.3
35-44	(%)	73.2	72.0	76.5	74.0	73.2	71.4	70.8	71.1	78.7	75.2	73.0	70.1
45-54	(%)	55.6	55.2	53.9	57.0	58.5	57.5	60.0	59.4	58.0	59.1	58.4	54.4
55-64	(%)	24.2	26.6	27.6	25.8	25.7	28.6	29.9	25.7	21.1	30.1	31.7	26.4
Kumpulan etnik													
Warganegara	(%)	67.8	67.9	68.0	68.2	68.4	68.5	68.5	68.5	68.3	68.4	68.5	69.1
Bumiputera	(%)	66.1	66.1	66.1	66.2	66.8	66.9	66.9	67.9	67.8	67.7	67.6	68.0
Cina	(%)	73.0	72.6	73.2	73.3	72.9	73.0	72.8	70.6	70.3	70.5	71.1	72.2
India	(%)	65.9	68.8	69.9	70.5	69.1	69.2	69.7	68.2	68.0	68.2	68.8	70.6
Lain-lain	(%)	77.4	81.5	73.0	75.2	70.5	67.3	73.2	60.1	59.0	61.0	61.2	62.6
Bukan warganegara	(%)	80.4	80.6	80.8	81.2	82.0	82.4	82.4	86.5	88.7	87.6	86.2	82.1
Pencapaian pendidikan													
Tiada pendidikan rasmi	(%)	67.4	65.2	61.7	63.5	61.7	57.9	62.7	66.5	66.9	66.8	68.8	68.9
Rendah	(%)	68.6	69.5	69.2	68.8	68.1	65.0	68.2	71.6	70.2	70.0	71.6	71.8
Menengah	(%)	66.8	67.4	67.5	67.7	67.4	68.7	68.4	67.7	67.8	68.3	68.5	68.7
Tertiari	(%)	74.6	73.8	74.5	74.8	76.8	75.6	74.8	75.9	76.8	75.5	74.4	74.4

Nota: r Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2025, DOSM

Jadual A: Penawaran Buruh, Malaysia, ST2 2022 - ST1 2025

2. Profil Tenaga Buruh

Indikator	Unit	2022			2023				2024				2025
		ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1'	ST2'	ST3'	ST4'	ST1
Tenaga buruh	('000)	16,343.3	16,442.9	16,542.2	16,648.9	16,727.4	16,824.0	16,911.7	16,770.6	16,913.0	16,996.7	17,097.9	17,229.3
Jantina													
Lelaki	('000)	9,979.6	10,057.6	10,118.8	10,186.3	10,240.7	10,300.2	10,355.4	10,500.3	10,633.3	10,662.4	10,752.6	10,869.6
Perempuan	('000)	6,363.7	6,385.3	6,423.3	6,462.5	6,486.7	6,523.8	6,556.3	6,270.2	6,279.7	6,334.3	6,345.2	6,359.7
Kumpulan umur													
15-24	('000)	2,767.4	2,800.8	2,801.3	2,859.3	2,850.6	2,869.9	2,903.8	2,718.4	2,759.2	2,775.4	2,820.9	2,859.0
25-34	('000)	5,590.8	5,553.2	5,590.9	5,612.4	5,678.5	5,722.7	5,704.0	5,192.4	5,246.4	5,241.7	5,266.7	5,318.1
35-44	('000)	4,095.1	4,131.2	4,239.9	4,208.0	4,201.3	4,200.1	4,195.8	4,634.8	4,699.0	4,739.8	4,717.5	4,706.9
45-54	('000)	2,657.5	2,655.4	2,606.0	2,711.4	2,710.9	2,733.9	2,800.1	2,920.0	2,904.5	2,860.2	2,867.5	2,882.6
55-64	('000)	1,232.5	1,302.3	1,304.1	1,257.8	1,286.1	1,297.4	1,308.0	1,305.0	1,303.9	1,379.6	1,425.2	1,462.7
Jantina dan Kumpulan umur													
Lelaki	('000)	9,979.6	10,057.6	10,118.8	10,186.3	10,240.7	10,300.2	10,355.4	10,500.3	10,633.3	10,662.4	10,752.6	10,869.6
15-24	('000)	1,806.3	1,819.0	1,876.9	1,946.0	1,903.9	1,898.8	1,910.3	1,809.0	1,874.7	1,946.5	1,942.6	1,662.7
25-34	('000)	3,222.3	3,193.2	3,240.6	3,195.1	3,273.1	3,307.4	3,334.8	3,085.7	3,207.6	3,195.0	3,208.4	3,348.3
35-44	('000)	2,373.5	2,434.0	2,428.0	2,456.7	2,471.9	2,494.1	2,504.9	2,816.2	2,690.0	2,791.2	2,829.0	2,886.6
45-54	('000)	1,681.2	1,678.9	1,656.6	1,696.2	1,668.8	1,707.2	1,721.6	1,840.8	1,852.5	1,774.5	1,795.8	1,884.2
55-64	('000)	896.2	932.5	916.7	892.4	922.9	892.7	883.8	948.6	1,008.5	955.1	976.8	1,087.7
Perempuan	('000)	6,363.7	6,385.3	6,423.3	6,462.5	6,486.7	6,523.8	6,556.3	6,270.2	6,279.7	6,334.3	6,345.2	6,359.7
15-24	('000)	961.1	981.8	924.4	913.3	946.7	971.1	993.5	909.4	884.5	828.8	878.3	1,196.2
25-34	('000)	2,368.5	2,360.1	2,350.2	2,417.2	2,405.3	2,415.3	2,369.2	2,106.7	2,038.9	2,046.7	2,058.4	1,969.8
35-44	('000)	1,721.5	1,697.2	1,811.9	1,751.4	1,729.4	1,706.0	1,691.0	1,818.5	2,009.0	1,948.6	1,888.6	1,820.2
45-54	('000)	976.3	976.5	949.4	1,015.1	1,042.1	1,026.7	1,078.5	1,079.2	1,051.9	1,085.7	1,071.7	998.4
55-64	('000)	336.2	369.8	387.4	365.5	363.2	404.7	424.2	356.4	295.4	424.5	448.4	375.1
Kumpulan etnik													
Warganegara	('000)	14,119.4	14,195.0	14,296.1	14,387.6	14,457.6	14,532.4	14,605.5	14,477.3	14,482.8	14,522.0	14,582.1	14,757.7
Bumiputera	('000)	9,435.1	9,478.8	9,511.3	9,599.1	9,722.1	9,780.9	9,821.7	9,922.7	9,942.3	9,955.2	9,970.8	10,054.5
Cina	('000)	3,543.2	3,525.8	3,557.8	3,567.5	3,549.1	3,557.1	3,554.2	3,482.9	3,467.0	3,479.8	3,514.1	3,571.7
India	('000)	1,006.8	1,052.8	1,093.9	1,075.6	1,060.2	1,066.8	1,075.5	989.1	988.3	992.6	1,009.2	1,031.0
Lain-lain	('000)	134.4	137.5	133.0	145.4	126.2	127.6	154.1	82.6	85.1	94.4	87.9	100.5
Bukan warganegara	('000)	2,223.8	2,247.9	2,246.1	2,261.3	2,269.9	2,291.6	2,306.2	2,293.3	2,430.1	2,474.6	2,515.8	2,471.6
Pencapaian pendidikan													
Tiada pendidikan rasmi	('000)	505.2	518.4	438.4	464.8	502.4	428.3	431.2	451.7	439.3	396.1	431.6	448.1
Rendah	('000)	1,501.8	1,452.4	1,450.6	1,487.2	1,443.8	1,333.1	1,406.9	1,438.0	1,498.2	1,546.1	1,528.0	1,563.1
Menengah	('000)	9,250.0	9,280.5	9,428.9	9,438.1	9,503.4	9,749.2	9,736.0	9,458.3	9,516.5	9,506.0	9,557.1	9,610.3
Tertiari	('000)	5,086.3	5,191.6	5,224.3	5,258.8	5,277.9	5,313.3	5,337.7	5,422.6	5,459.0	5,548.4	5,581.2	5,607.8

Nota: r Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2025, DOSM

Jadual A: Penawaran Buruh, Malaysia, ST2 2022 - ST1 2025

3. Profil Penduduk Bekerja

Indikator	Unit	2022			2023				2024				2025
		ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1 ^r	ST2 ^r	ST3 ^r	ST4 ^r	ST1
Penduduk bekerja	('000)	15,701.2	15,831.1	15,941.7	16,062.0	16,146.1	16,250.9	16,346.7	16,216.8	16,368.3	16,455.7	16,559.1	16,703.0
Nisbah guna tenaga kepada penduduk	(%)	66.5	66.8	67.0	67.3	67.5	67.7	67.8	68.2	68.4	68.4	68.4	68.6
Jantina													
Lelaki	('000)	9,596.3	9,692.0	9,763.0	9,840.8	9,901.6	9,968.4	10,029.4	10,173.7	10,307.4	10,339.8	10,430.9	10,554.2
Perempuan	('000)	6,104.9	6,139.1	6,178.7	6,221.2	6,244.5	6,282.5	6,317.3	6,043.1	6,061.0	6,115.9	6,128.3	6,148.8
Kumpulan umur													
